


LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT



2018

PERMULAAN  
DAWN OF A NEW DAY  
BAHARU

The year "2018" is displayed in large, white, outlined digits. A circular banner wraps around the middle of the zeros, containing the text "PERMULAAN" at the top, "DAWN OF A NEW DAY" in the center, and "BAHARU" at the bottom. The banner is blue and grey.

## RASIONAL REKA BENTUK

Reka bentuk ini mencerminkan perubahan yang telah berlaku pada tahun 2018.

Terbit matahari pada waktu subuh melambangkan harapan dan kemunculan semangat baharu yang membentuk landskap dan masa depan pembangunan PKS di Malaysia ~ Pemimpin baharu, dasar & strategi baharu, pemikiran & idea baharu, semuanya siap sedia untuk menghasilkan generasi baharu usahawan dan PKS dengan visi, keberanian dan ketabahan untuk berjaya dalam ekonomi global yang semakin kompetitif.

Anak panah menggambarkan momentum pertumbuhan PKS merentasi pelbagai sektor dan industri, yang digerakkan oleh SME Corp. Malaysia sebagai agensi penyelaras pusat (CCA) bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan program pembangunan PKS secara menyeluruh di seluruh negara, yang berkembang di tengah-tengah perubahan positif yang sedang berlaku.

## DESIGN RATIONALE

*This design reflects the change that had begun to take place in the year 2018.*

*The rising sun at the break of dawn symbolises hope and the emergence of a new force shaping the landscape and future of SME development in Malaysia ~ New leaders, new policies & strategies, new mindsets & ideas, all poised to generate a new breed of entrepreneurs and SMEs with greater visions, courage and tenacity to succeed in an increasingly competitive global economy.*

*The arrows depict the forward-moving growth momentum of SMEs across various sectors and industries, propelled by SME Corp. Malaysia as the central coordinating agency (CCA) that monitors and coordinates the implementation of overall SME development programmes nationwide, which is developing amidst the positive changes that are transpiring.*

LAPORAN TAHUNAN



2018

PERMULAAN BAHARU



## FALSAFAH KORPORAT



Lambang tiga garisan berbentuk seperti anak panah menggambarkan peranan SME Corp. Malaysia yang berterusan dalam menyokong dan membangunkan PKS. Dengan pergerakan ke atas, ia menggambarkan SME Corp. Malaysia sebagai sebuah entiti yang dinamik, berpandangan ke hadapan dan didorong oleh kejayaan

Warna biru kehijauan, kelabu dan merah lembayung memaparkan sebuah organisasi yang ke hadapan, berinovasi dan dinamik. Perkataan 'SME Corp. Malaysia' menggunakan fon italic sebagai simbol progresif dan berfikiran maju ke hadapan

---


**VISI**



Organisasi unggul yang menerajui pembangunan PKS yang progresif bagi meningkatkan penciptaan kemakmuran dan kesejahteraan sosial negara

---


**MISI**



Menggalakkan pembangunan PKS yang berdaya saing, berinovasi serta berdaya tahan menerusi penyelarasan dan penyediaan khidmat sokongan perniagaan yang berkesan

# KANDUNGAN

<b>KENYATAAN PENGERUSI</b>	<b>4</b>
<b>MESEJ KETUA EKSEKUTIF</b>	<b>6</b>
<b>MAKLUMAT KORPORAT</b>	<b>8</b>
• Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)	
• Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)	
• Tadbir Urus Korporat: Jawatankuasa dan Panel Perbadanan	
• Struktur Organisasi	
• Ahli Perbadanan	
• Pengurusan Kanan	
• Pejabat Negeri	
• Perkembangan Penting pada Tahun 2018	
<b>PROGRAM DAN INISIATIF TERAS</b>	<b>34</b>
• Penarafan Daya Saing	
• Pembangunan Kapasiti	
• Akses kepada Pembiayaan	
• Akses Pasaran	
• Pembangunan Jenama PKS	
• Teknologi dan Inovasi	
• Pembangunan Usahawan Bumiputera	
• Capaian	
• Kerjasama Antarabangsa	
• Majlis Pelancaran 'Kertas Putih Pendigitalan PKS'	
• Jadual Input-Output PKS	
• Indeks Dasar PKS ASEAN (ASPI) 2018	
<b>LAPORAN KEWANGAN</b>	<b>70</b>



## KENYATAAN PENGERUSI

“

Landskap perniagaan akan terus berkembang dengan inovasi teknologi (*disruptive technology*) baru yang mendefinisikan semula cara menjalankan perniagaan.

Digitalisasi tidak lagi menjadi trend atau pilihan, tetapi keperluan untuk memastikan perniagaan dapat terus bertahan dan kekal berdaya saing

”



Tahun 2018 merupakan detik transformasi bersejarah apabila Malaysia mula diterajui Kerajaan baharu selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 pada bulan Mei. Seiring dengan perubahan dalam kepimpinan tertinggi, barisan jentera kerajaan baharu turut dilengkapkan dengan etika dan tadbir urus yang lebih baik dan segar. Pada bulan Julai 2018, Kerajaan baharu telah mengumumkan penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan atau lebih dikenali sebagai MED. Antara mandatnya adalah untuk menggubal dasar pembangunan PKS dan keusahawanan yang inklusif dan berdaya saing serta menyelaraskan pembangunan PKS dan Bumiputera dalam industri strategik seperti automotif, halal dan aeroangkasa. Untuk menyokong usaha ini, SME Corp. Malaysia telah diletakkan di bawah bidang kuasa MED mulai Oktober 2018.

Meskipun saya baru dilantik sebagai Penggerusi SME Corp. Malaysia pada 2 Disember 2018, SME Corp. Malaysia bukanlah asing bagi saya kerana saya telah menjadi Ahli Lembaga Perbadanan sejak November 2017. Dalam menjalankan peranan saya sebagai Penggerusi, saya berhasrat untuk melihat organisasi ini terus berkembang menjadi organisasi utama dalam pembangunan PKS bukan sahaja di Malaysia, tetapi di peringkat serantau dan antarabangsa. Saya percaya ini mampu menjadi kenyataan kerana Malaysia mempunyai rangka kerja institusi yang terbaik untuk pembangunan PKS mengikut Indeks Dasar PKS ASEAN 2018. Oleh itu, kita mesti memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan dalam pembangunan PKS untuk mendorong agenda PKS lebih jauh lagi.

Saya dimaklumkan bahawa berdasarkan statistik terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, KDNK PKS berkembang pada 6.2% pada tahun 2018, melebihi KDNK negara yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7% pada tahun yang sama. Hasilnya, sumbangan PKS kepada KDNK meningkat kepada 38.3% daripada 37.8% pada tahun 2017. Sementara itu, eksport PKS mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.4% dengan nilai RM171.9 bilion pada 2018. Perkembangan ini menandakan ekosistem yang teguh dan sihat dimana PKS dapat berkembang maju dan bertahan. SME Corp. Malaysia tetap teguh dalam memastikan bahawa PKS diberi sokongan dan bantuan yang penting untuk mereka kekal berdaya tahan dan berdaya saing.

Dalam melangkah ke hadapan, tahun 2019 hadir bersama cabaran dan peluang baharu. Justeru, SME Corp. Malaysia harus terus menetapkan strategi dan memposisikan dirinya untuk kekal relevan dalam ekosistem PKS. Landskap perniagaan akan terus berkembang dengan inovasi teknologi (*disruptive technology*) baharu yang mendefinisikan semula cara menjalankan perniagaan. Digitalisasi tidak lagi menjadi trend atau pilihan, tetapi keperluan untuk memastikan perniagaan dapat terus bertahan dan kekal berdaya saing. Dalam hal ini, Kertas Putih Pendigitalan PKS yang dilancarkan oleh Huawei dan SME Corp. Malaysia pada Disember 2018 adalah sangat tepat pada waktu. Kita perlu bekerja dengan lebih keras untuk memastikan PKS merangkul pendigitalan dalam semua aspek perniagaan mereka. Barangkali ini adalah cara terbaik untuk meningkatkan produktiviti PKS Malaysia yang telah ketinggalan berbanding dengan rakan seangkatan mereka dalam ekonomi yang lebih maju.

Akhir sekali, saya berharap agar SME Corp. Malaysia akan terus menerima sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada Kerajaan khususnya MED, dalam menyediakan sumber yang mencukupi untuk SME Corp. Malaysia melaksanakan peranannya dengan berkesan. SME Corp. Malaysia juga memerlukan sokongan berterusan daripada Kementerian dan agensi yang berkaitan dalam peranannya sebagai Agensi Penyelaras Pusat (CCA) untuk pembangunan PKS di negara ini. Dalam masa yang sama, SME Corp. Malaysia perlu terus berusaha untuk mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya persatuan-persatuan industri dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Adalah menjadi harapan saya supaya SME Corp. Malaysia terus berkhidmat sebagai agensi utama negara dalam membangunkan PKS dan terus melaksanakan kerja dengan baik untuk kebaikan PKS dan negara secara keseluruhannya.

#### **DATO' SRI SYED HUSSIEN AL HABSHEE**

Pengerusi, SME Corp. Malaysia

## PERUTUSAN **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

“

Usaha  
meningkatkan  
kecekapan  
kakitangan  
dan kaunselor  
perniagaan adalah  
teras untuk kita  
terus berada di  
barisan hadapan  
dan menentukan  
arah tujuan dalam  
pembangunan PKS

”



Tahun 2018 merupakan satu lagi tahun mencabar bagi SME Corp. Malaysia di sebalik ketidakpastian yang timbul daripada landskap ekonomi dan politik yang mencabar. Di bawah Kerajaan baru, SME Corp. telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) bersama 10 agensi lain yang berkaitan dengan pembangunan PKS dan keusahawanan. Langkah ini adalah untuk memastikan kewujudan ekosistem yang holistik dan menyokong bagi menggalakkan pembangunan PKS dan keusahawanan di negara ini. Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengukuhkan Kementerian baru dan agensi-agensinya, saya telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia yang baru pada awal Disember 2018.

Semasa saya mula-mula menyertai SME Corp. Malaysia, saya perhatikan bahawa budaya dan protokolnya sebagai agensi Kerajaan agak rumit dan sedikit sebanyak memberi kesan kepada kecekapan dan melambatkan rentaknya terutama dalam memulakan inisiatif baru. Walau bagaimanapun, saya kagum melihat SME Corp. Malaysia yang telah banyak menjalankan usaha dalam membangun dan mengembangkan PKS selama ini. Malah, SME Corp. Malaysia merupakan salah satu daripada beberapa agensi yang diberi mandat untuk memantau pembangunan PKS di semua sektor, dengan sokongan rangka kerja yang komprehensif dan gambaran yang lebih besar dalam penyediaan perkhidmatan dan bantuan. Ia mempunyai jangkauan luas di seluruh Malaysia dengan kehadiran pejabat-pejabat negeri. Namun, saya merasakan bahawa masih lebih banyak usaha boleh dilakukan dari segi mempromosikan kerja yang baik selama ini.

Dalam melangkah ke hadapan, saya merasakan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk mendigitalkan operasi dalaman kita agar kita dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada PKS dan kekal relevan dalam abad ke-21. Kita perlu '*walk the talk*' atau menjalankan apa yang dikatakan dalam urusan pendigitalisasi bagi meyakinkan PKS untuk melakukan perkara yang sama. Pendigitalan dapat meningkatkan ketangkasian organisasi dalam bertindak balas kepada keperluan PKS. Selain itu, kakitangan kita perlu dilengkapi dengan pengetahuan tentang kaedah-kaedah terbaru dalam berinteraksi dengan pihak industri dan tidak hanya bergantung pada pengalaman semata. Usaha meningkatkan kecekapan kakitangan dan kaunselor perniagaan adalah teras untuk kita terus berada di barisan hadapan dan menentukan arah tujuan dalam pembangunan PKS. Untuk melakukan hal ini, SME Corp. Malaysia mesti meningkatkan kecekapannya dalam pembangunan produk untuk membolehkan penghasilan lebih banyak pilihan dan inovasi yang lebih pantas.

Dalam jangka masa sederhana hingga panjang, saya membayangkan SME Corp. Malaysia untuk menjadi pusat utama dalam semua perkara yang berkaitan dengan PKS & keusahawanan dan untuk menjadi agen pemangkin perubahan dalam ekosistem. Pada masa yang sama, terdapat keperluan segera untuk meningkatkan eksport PKS kita melalui proses pendigitalan. Inilah sebab utama mengapa saya katakan agenda pendigitalan adalah penting. PKS di negara lain sentiasa berinovasi dengan pemikiran untuk mengekspor serta mencari peluang di pasaran global. Justeru, kita perlu menyemai pemikiran yang sama terhadap PKS kita.

Jika dilihat kembali, saya menyertai SME Corp. Malaysia ketika berlakunya banyak perubahan besar seperti pertukaran kementerian dan hala tuju strategik; daripada Pelan Induk PKS (2012-2020) kepada Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030), daripada Dasar Transformasi Nasional 2050 (TN 50) kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), daripada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) kepada Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan seterusnya ke arah Industri 4.0. Terdapat beberapa cabaran di sana sini, tetapi saya fikir ia bukanlah sesuatu yang tidak dapat kita tangani. Tema Laporan Tahunan 2018 "Permulaan Baharu" menandakan peluang dan harapan. Dengan pengalaman, pengetahuan dan keupayaan kakitangan yang ada, saya yakin bahawa kita boleh bekerjasama untuk membawa SME Corp. Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

#### **NOOR AZMI MAT SAID**

Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia





# MAKLUMAT KORPORAT

# PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME Corp. Malaysia)

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) merupakan agensi penyelaras pusat (CCA) yang bertanggungjawab memantau pembangunan PKS di Malaysia melalui penggubalan dasar dan pelaksanaan strategik. SME Corp. Malaysia telah diwartakan sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) pada November 2018. Sebagai sebuah institusi peneraju, SME Corp. Malaysia bertindak sebagai pusat rujukan bagi penyelidikan, data, program dan khidmat nasihat berkaitan dengan PKS. Selain memantau dan menyelaras pelaksanaan pelbagai program pembangunan PKS yang melibatkan 17 Kementerian dan lebih 60 agensi, SME Corp. Malaysia juga berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK).

Selain memantau dan menyelaras pelaksanaan pelbagai program pembangunan PKS yang melibatkan 17 Kementerian dan lebih 60 agensi, SME Corp. Malaysia juga berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)



## PERMULAAN PENTING

Pada tahun 1996, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), sebuah agensi khusus di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), telah ditubuhkan bagi menggalakkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui inisiatif khusus. Matlamat utama SMIDEC adalah untuk memupuk potensi industri kecil dan sederhana Malaysia (IKS) menerusi sokongan infrastruktur,

bantuan kewangan, khidmat nasihat perniagaan, akses pasaran dan pelbagai program pembangunan. SMIDEC menyasarkan untuk membangunkan komuniti IKS yang berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran tempatan, serantau dan global.

Pembentukan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) pada tahun 2004 merupakan pencapaian penting dalam usaha mempercepatkan pembangunan PKS di negara ini. MPPK berfungsi

sebagai badan penggubal dasar tertinggi dalam menetapkan hala tuju strategik dasar Kerajaan berkaitan pembangunan PKS, dan memastikan keberkesanan program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan secara keseluruhan.

Pada tahun 2007, MPPK telah memutuskan untuk membentuk sebuah agensi yang khusus bagi menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan agensi. SMIDEC telah ditransformasi dan dijenamakan semula sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009 untuk memikul peranan sebagai CCA.

## PERANAN AND FUNGSI UTAMA

### 1. Penyelarasan Dasar dan Program

- Menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dan program merentasi Kementerian dan agensi yang berkaitan

### 2. Pusat Khidmat Nasihat dan Maklumat

- Memberi khidmat nasihat perniagaan menerusi Hab PKS;
- Menyebarluaskan maklumat mengenai dana dan insentif Kerajaan;
- Mendapatkan maklum balas mengenai isu-isu PKS; dan
- Berhubung dengan komuniti tempatan dan antarabangsa berkaitan hal-ehwal PKS

### 3. Pengurusan Data, Penyebaran Maklumat dan Penyelidikan mengenai PKS

- Membangun dan menguruskan pangkalan data PKS kebangsaan;
- Menjalankan penyelidikan berkaitan PKS;
- Menerbitkan laporan dan statistik berkaitan PKS; dan
- Menjalankan program capaian

### 4. Sokongan Perniagaan

- Memupuk dan membangunkan PKS yang berdaya saing menerusi program pembangunan kapasiti dan bantuan kewangan yang khusus;
- Meningkatkan daya saing PKS menggunakan alat diagnostik Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE);
- Menyediakan sokongan infrastruktur bagi PKS; dan
- Memudahcara rantaian perniagaan dengan syarikat besar, MNC dan GLC

### 5 Sekretariat kepada Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)

- Mencadangkan dasar dan memastikan keputusan MPUPK dilaksanakan dengan berkesan; dan
- Menyediakan sokongan pentadbiran kepada MPUPK

Pada tahun 2007, MPPK telah memutuskan untuk membentuk sebuah agensi yang khusus bagi menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan agensi. SMIDEC telah ditransformasi dan dijenamakan semula sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009 untuk memikul peranan sebagai CCA

# MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PKS KEBANGSAAN (**MPUPK**)

Sejak 2004, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) merupakan badan pembuat dasar tertinggi dengan fungsi strategiknya yang merangkumi pembangunan PKS secara menyeluruh dan terselaras merentas kesemua sektor ekonomi di Malaysia. Oleh kerana penekanan dan tumpuan yang lebih meluas telah diberikan terhadap pembangunan keusahawanan, Majlis ini telah dijenamakan semula sebagai Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK). Penjenamaan semula ini telah diumumkan dan dipersetujui bersama melalui mesyuarat pertama yang telah berlangsung pada 8 April 2019.

- Majlis ini terdiri daripada 20 orang ahli yang berkaitan:
1. Perdana Menteri sebagai Pengurus
  2. Menteri Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat
  3. Menteri Pembangunan Usahawan
  4. Menteri Hal Ehwal Ekonomi
  5. Menteri Kewangan
  6. Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
  7. Menteri Komunikasi dan Multimedia
  8. Menteri Pendidikan
  9. Menteri Pembangunan Luar Bandar
  10. Menteri Sumber Manusia
  11. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
  12. Menteri Belia dan Sukan
  13. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
  14. Menteri Industri Utama
  15. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
  16. Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia
  17. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Sabah
  18. Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak
  19. Ketua Setiausaha Negara
  20. Gabenor Bank Negara Malaysia



Dalam usaha untuk mencapai sasaran sebanyak 41% sumbangan KDNK oleh PKS seperti yang digariskan dalam Pelan Induk PKS 2012-2020, Majlis ini telah meluluskan lapan (8) cadangan dan langkah baharu untuk meningkatkan lagi pertumbuhan tahunan dan sumbangan KDNK oleh PKS, iaitu:

- Memperhebatkan pendigitalan oleh PKS
- Meningkatkan integrasi PKS ke dalam rantaian bekalan negara
- Meningkatkan lebih banyak PKS yang mempunyai pertumbuhan tinggi melalui insentif yang ditawarkan
- Melonjakkan tahap kesediaan dan daya saing PKS untuk menerapkan teknologi dan model perniagaan *"innovative-disruptive-compelling"*
- Memudahkan mekanisme pembiayaan alternatif untuk PKS
- Mengembalikan rantaian nilai PKS di luar negara ke Malaysia
- Memacu pertumbuhan, mengukuhkan dan menggalakkan eksport gerbang pembayaran tempatan dan teknologi kewangan (*fintech*) oleh PKS
- Meningkatkan penyertaan PKS dalam rantaian industri pelancongan

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) telah dilancarkan pada 11 Julai 2019 oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed yang telah dirangka bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan yang komprehensif, inklusif dan holistik untuk PKS di negara ini.

# TADBIR URUS KORPORAT: JAWATANKUASA DAN PANEL PERBADANAN

## JAWATANKUASA PERBADANAN

Jawatankuasa dan Panel Perbadanan bertindak sebagai pemegang amanah yang memimpin organisasi ke arah masa hadapan yang mampan berdasarkan dasar tadbir urus serta pengurusan kewangan yang kukuh, beretika dan mengikut undang-undang. Para profesional yang telah diberi kepercayaan ini menentukan hala tuju berdasarkan pengalaman dan pemahaman bagi organisasi mencapai visi dan misi.

Di SME Corp. Malaysia, Jawatankuasa Perbadanan terdiri daripada Jawatankuasa Imbuhan dan Manfaat, Jawatankuasa Pinjaman Pengajian, Jawatankuasa Disiplin dan Jawatankuasa Audit. Di samping itu, Panel Perbadanan terdiri daripada Panel Keusahawanan dan Perusahaan Mikro, Panel Keupayaan dan Kapasiti Insan, Panel Produktiviti dan Inovasi, Panel Akses Pasaran, Panel ICT dan Pengurusan Pengetahuan serta Panel Bumiputera Dalam Perniagaan.

Setiap ahli panel telah diamanahkan dengan tugas yang spesifik dan unik di bawah kategori yang berbeza dan bertindak sebagai platform untuk menasihatkan, mencadangkan idea-idea baharu, mencadangkan program dan dasar baharu, serta/ atau bagi menyelesaikan sebarang isu

### **1. JAWATANKUASA IMBUHAN DAN MANFAAT**

Pengerusi: [Cik Suhara Salleh](#)

**Objektif:**

- Membincangkan dan menge- syorkan imbuhan, pampasan, faedah dan ganjaran untuk kakitangan di bawah Skim Perkhidmatan SME Corp. Malaysia dengan tujuan utama untuk menarik dan mengekalkan bakat; dan
- Merangka dasar bagi mentadbir pakej imbuhan di bawah Skim Perkhidmatan SME Corp. Malaysia.

### **2. JAWATANKUASA PINJAMAN PENGAJIAN**

Pengerusi: [Datuk Isham Ishak](#)

**Objektif:**

- Menilai dan meluluskan per- mohonan untuk pinjaman pengajian;
- Meluluskan pelanjutan tempoh pengajian; dan
- Mengkaji semula dan men- cadangkan garis panduan baharu kepada Jawatankuasa Imbuhan dan Manfaat.

### **3. JAWATANKUASA DISIPLIN**

Pengerusi: [Datuk \(Dr.\) Hafsa Hashim](#)

**Objektif:**

- Menerima, mempertimbang dan memutuskan kes disiplin yang dikemukakan untuk tindakan disiplin, sama ada dengan ataupun bukan dengan tujuan pemecatan atau penurunan pangkat.

### **4. JAWATANKUASA AUDIT**

Pengerusi: [En. Koong Lin Loong](#)

**Objektif:**

- Membincangkan hasil penemuan audit yang dibangkitkan oleh audit dalaman dan juruaudit luar; dan
- Memastikan Pengurusan (pihak yang diaudit) mengambil langkah-langkah pencegahan dan tindakan pembetulan untuk mengatasi kelemahan dan mengelakkan isu-isu audit daripada berulang.

## PANEL PERBADANAN

Panel Perbadanan diberi mandat untuk mengetuai mesyuarat dalam perkara-perkara utama yang berkaitan dengan pemerkasaan PKS dan memperkuuh keusahawanan di Malaysia. Bidang kuasa, tugas dan tanggungjawab panel perbadanan adalah ditentukan oleh Kerajaan berdasarkan fungsi-fungsi ahli perbadanan SME Corp. Malaysia yang dinyatakan dalam Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Akta 539).

Setiap ahli panel telah diamanahkan dengan tugas yang spesifik dan unik di bawah kategori yang berbeza dan bertindak sebagai platform untuk menasihatkan, mencadangkan idea-idea baharu, mencadangkan program dan dasar baharu, serta / atau bagi menyelesaikan sebarang isu.

Hasil mesyuarat akan dikongsikan dengan pihak pengurusan SME Corp. Malaysia bagi pelaksanaan program PKS dan keusahawanan yang lebih baik.

### 1. PANEL KEUSAHAWANAN DAN PERUSAHAAN MIKRO

Pengerusi Bersama: [Datuk Noraini Soltan & Encik Agil Faisal Ahmad Fadzil](#)

#### **Objektif:**

- Mengenal pasti dan menangani keperluan kumpulan sasaran khusus, iaitu wanita, belia dan golongan B40 (40% terendah dalam piramid pendapatan) selaras dengan objektif yang ditetapkan di bawah Pelan Induk PKS dan RMKe-11, termasuk tetapi tidak terhad kepada bimbingan ke arah:
  - Merangka inisiatif baharu yang boleh menyumbang kepada pembangunan keusahawanan dan perusahaan mikro; dan
  - Menambah baik dasar dan program sedia ada yang membabitkan kumpulan sasaran.

### 2. PANEL KEUPAYAAN DAN KAPASITI INSAN

Pengerusi: [En. Ravi a/l Muthayah](#)

#### **Objektif:**

- Bertindak sebagai platform untuk wakil sektor awam dan swasta membincangkan isu-isu berkaitan keupayaan dan pembangunan modal insan PKS; dan
- Mencadangkan program dan dasar baharu atau penambahbaikan bagi menyokong pembangunan keupayaan dan kapasiti insan.

### 3. PANEL PRODUKTIVITI DAN INOVASI

Pengerusi: [Dato' Dr. Ir. Andy K.H. Seo](#)

#### **Objektif:**

- Mendapatkan syor daripada sektor swasta tentang bagaimana untuk meningkatkan lagi produktiviti dan penglibatan PKS dalam aktiviti inovasi.

### 4. PANEL AKSES PASARAN

Pengerusi: [Dr. Hamid Sulaiman](#)

#### **Objektif:**

- Meluaskan akses pasaran untuk barang dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh PKS; dan
- Memastikan kemampuan, akses ke pasaran yang lebih luas, dan memberi galakan kepada PKS untuk meluaskan pasaran mereka dan mematuhi piawaian lebih tinggi, agar berdaya saing dan mendahului persaingan.

### 5. PANEL ICT DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

Pengerusi: [En. Shaifulbahrim Salleh](#)

#### **Objektif:**

- Berperanan sebagai penasihat dalam mencadangkan inisiatif dan program baharu yang akan meningkatkan penerapan ICT di kalangan PKS;
- Berbincang dengan pakar bidang khusus untuk berkongsi amalan terbaik dalam bidang ICT yang dapat meningkatkan prestasi perniagaan PKS; dan
- Menggalakkan penggunaan ICT secara lebih meluas dalam operasi perniagaan dan sistem penyampaian PKS.


### 6. PANEL BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN


Pengerusi: [Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee](#)

#### **Objektif:**

- Bertindak sebagai panel penasihat bagi menambah baik inisiatif sedia ada dan mewujudkan inisiatif baharu, sekiranya perlu.

# STRUKTUR ORGANISASI





# AHLI PERBADANAN

**Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Hj. Abdul Majid**, Pengurus  
(sehingga 27 Jun 2018)



**Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee**  
Pengurus  
(dari 2 Disember 2018)



**Datuk Isham Ishak**  
Timbalan Pengurus  
(sehingga 26 Oktober 2018)



**Dato' Tan Yew Thong**  
(sehingga 27 Jun 2018)



**Datuk Noraini Soltan**  
(sehingga 27 Jun 2018)



**En. Agil Faisal Ahmad Fadzil**  
(sehingga 27 Jun 2018)



**Datuk Hj. Hashim Paijan**  
(sehingga 4 Julai 2018)



**En. Ravi a/l Muthayah**  
(sehingga 4 Julai 2018)

**En. Shaifubahrim Saleh**

(sehingga 27 Jun 2018)



**Dr. Hamid Sulaiman**

(sehingga 1 Januari 2019)



**Dato' Dr. Ir. Andy K.H. Seo**

(sehingga 31 Januari 2019)



**Datu Liaw Soon Eng**

(sehingga 31 Januari 2019)



**Cik Suhara Salleh****En. Koong Lin Loong**

**Datuk (Dr.) Hafsa Hashim**  
(sehingga 15 Ogos 2018)

**En. Noor Azmi Mat Said**  
(dari 3 Disember 2018)




**Pn. Che Nazli Jaapar**  
Setiausaha

## PENGURUSAN KANAN



**Datuk (Dr.) Hafsa Hashim** (sehingga 15 Ogos 2018)  
Ketua Pegawai Eksekutif



**En. Rizal Nainy**  
Timbalan Ketua Eksekutif (I)



**En. Mohd Rithaudden Makip**

Timbalan Ketua Eksekutif (II)



**Pn. Che Nazli Jaapar**

Ketua Pegawai Operasi /  
Ketua Pegawai Maklumat



**En. Zaky Moh**

Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan  
Perniagaan & Keusahawanan



**Pn. Sharifah Najwa Syed Abu Bakar**

Pengarah Kanan, Bahagian Khidmat Nasihat &  
Sokongan Perniagaan



**Pn. Mimi Razidah Abd Razak**

Pengarah, Bahagian Komunikasi Strategik



**En. Mohd Izham Abdullah**

Pengarah, Bahagian Pembangunan  
Perniagaan Bumiputera



**En. Mohd Atan**

Pengarah, Bahagian Ekonomi & Dasar



**Cik Kausalya Gopal**

Pengarah, Bahagian Pemantauan Dasar &  
Pembangunan Inklusif



**En. Czarif Chai Abdullah**

Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat



**Pn. Hilyati Mohd Nasir**

Pengarah, Bahagian Koordinasi Program



**En. Amrul Nazri Abdullah**  
Pengarah, Bahagian Kerjasama Antarabangsa



**En. Mohd Farid Awang**  
Ketua, Bahagian Kewangan & Akaun



**En. Md Zahidan Hassan**  
Ketua, Bahagian Teknologi Maklumat



**Pn. Masnani Bashirun**  
Ketua, Bahagian Pembangunan Modal Insan

## PEJABAT NEGERI

En. Wan Jusaini Rizal Wan Nasruddin  
Pengarah, Pejabat Negeri Johor



En. Mohd Syarol Azuan Zakaria  
Pengarah, Pejabat Negeri Kedah



En. Nik Muhd. Kamil Nik Ismail  
Pengarah, Pejabat Negeri Kelantan



Pn. Nor Hidayaty Mohd Nor  
Pengarah, Pejabat Negeri Melaka



En. Ahmad Mu'izz Mohd Yusof  
Pengarah, Pejabat Negeri Sembilan



Pn. Nadia Yusof  
Pengarah, Pejabat Negeri Pahang



En. Mohd Zumar Zainuddin  
Pengarah, Pejabat Negeri Pulau Pinang



En. Mohamad Rozlan Mohamad Razali  
Pengarah, Pejabat Negeri Perak



En. Noor Azzam Yaazizul Ghafar  
Pengarah, Pejabat Negeri Perlis



En. Muhd Hamdi Salleh  
Pengarah, Pejabat Negeri Sabah



Tn. Hj. Ismail Hashim  
Pengarah, Pejabat Negeri Sarawak



En. Muhammad Ibrahim  
Pengarah, Pejabat Negeri Terengganu

# PERKEMBANGAN PENTING PADA TAHUN 2018

## PENUBUHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN (MED)

Untuk mengukuhkan ekosistem keusahawanan di negara ini, Kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) pada 2 Julai 2018. Penubuhan Kementerian ini menandakan kemunculan semula Kementerian Keusahawanan & Pembangunan Koperasi yang telah dimansuhkan pada tahun 2009.

Penubuhan  
 Kementerian ini  
 menandakan  
 kemunculan semula  
 Kementerian  
 Keusahawanan  
 & Pembangunan  
 Koperasi yang telah  
 dimansuhkan pada  
 tahun 2009

Agensi-agensi yang berada di bawah MED ialah SME Corp. Malaysia, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), UDA Holdings, SME Bank, Pusat Inovasi dan Kreativiti Malaysia (MaGIC), Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (Protégé), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKM), Tekun Nasional dan Bank Rakyat.

### **Visi**

Melahirkan usahawan berintegriti dan kompetitif di pasaran global

### **Misi**

Melebarkan keusahawanan Malaysia Baharu terutama dari golongan berpendapatan rendah dari setiap lapisan geopolitik.

### **Fungsi**

1. Menggubal dasar pembangunan usahawan dan PKS yang inklusif dan berdaya saing termasuk memacu pembangunan golongan B40, M40 dan usahawan sosial;
2. Menyelaras pelaksanaan dasar pemilikan ekuiti Bumiputera;
3. Menjadi pemudah cara (facilitator) kepada usahawan dan PKS mulakan perniagaan termasuk menyelaras tabung/dana keusahawanan dan PKS;
4. Mewujudkan kerjasama dan jaringan strategik dengan pihak swasta di peringkat persekutuan, negeri dan antarabangsa;
5. Merancang serta melaksanakan aktiviti-aktiviti penggalakan dan pembudayaan keusahawanan dan PKS; dan
6. Menyelaras pembangunan PKS serta Bumiputera dalam industri-industri strategik seperti automotif, aeroangkasa, *renewable energy*, ekonomi digital dan industri halal.

## **PERSARAAN YBHGS. DATUK (DR.) HAFSAH HASHIM**

SME Corp. Malaysia mengucapkan selamat maju jaya kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk (Dr.) Hafsa Hashim yang bersara pada 15 Ogos 2018. Datuk (Dr.) Hafsa Hashim telah mengetuai organisasi ini selama hampir 14 tahun sejak tahun 2005 lagi. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Datuk (Dr.) Hafsa atas sumbang bakti dan khidmat cemerlang yang beliau telah curahkan sehingga menyumbang kepada prestasi SME Corp Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat bagi pembangunan PKS di Malaysia. Datuk (Dr.) Hafsa merupakan seorang pemimpin yang berwawasan tinggi dan telah memimpin SME Corp. Malaysia dengan kesungguhan dan matlamat yang jelas. Beliau akan sentiasa diingati sebagai mentor bagi warga SME Corp Malaysia serta ikon untuk pembangunan PKS di peringkat serantau dan antarabangsa.



## **PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BAHARU**

SME Corp. Malaysia mengalu-alukan kehadiran Encik Azmi Mat Said yang telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif baharu pada 3 Disember 2018. Encik Azmi adalah Pengasas dan Perunding Utama MYDATA Consulting Sdn Bhd serta seorang ahli strategi teknologi-komersial berdasarkan kejuruteraan yang bertauliah. Dengan pengalaman lebih dari 25 tahun, beliau telah berurusan dengan pelbagai organisasi dari sektor awam dan swasta, serta melaksanakan pelbagai tugas yang mencabar daripada membuat dasar strategik



kepada pelan pelaksanaan dan mengikuti dinamik pelaksanaan terutamanya dalam ekosistem inovasi, pembangunan serantau, pengagregatan projek dan pemulihan / pertumbuhan perniagaan.

Beliau memulakan kerjayanya dengan EXXON MOBIL dan kemudian menyertai Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) pada tahun 1997 sebelum menceburji bidang keusahawanan pada tahun 1999. Beliau merupakan Ahli Bersekutu MIGHT dan telah dilantik sebagai ahli Majlis Penasihat Penyelidikan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan kini berkhidmat sebagai Ahli Bersekutu Kanan di VentureTech; serta Pakar Bidang bagi Technology Depository Agency Berhad (TDA), agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia dan MYBIOMASS Sendirian Berhad iaitu entiti MIGHT-FGV-SIME DARBY JV untuk perusahaan biojisim.

## **PELANTIKAN PENGERUSI BAHARU**

SME Corp. Malaysia telah melantik Penggerusi baharunya, YBhg. Dato 'Sri Syed Hussien Al-Habshee pada 2 Disember 2018. Dato' Sri Syed Hussien memulakan kerjayanya di beberapa Kedutaan Malaysia sebagai Setiausaha Pertama dan Kedua di Maghribi dan Kaherah. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Penasihat Misi di Moscow, Rusia dan merupakan Duta pertama Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu serta bekas Konsul Jeneral dan Wakil Tetap ke OIC, Jeddah.



Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penggerusi bagi beberapa pertubuhan dan institut pendidikan seperti Sidang Kemuncak Halal Sedunia (WHS), Kolej Islam Antarabangsa (IIC) dan Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim serta Ahli Lembaga Gabenor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).





# **PROGRAM DAN INISIATIF TERAS**

# PENCAPAIAN PROGRAM DAN INISIATIF PEMBANGUNAN PKS YANG DILAKSANAKAN OLEH SME CORP. MALAYSIA TAHUN 2018

## PENARAFAN DAYA SAING

### 1. PENARAFAN DAYA SAING PKS UNTUK PENINGKATAN (SCORE)

Konsep Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) merupakan alat diagnostik yang diperkenalkan bagi menilai dan meningkatkan daya saing PKS. Ia melibatkan penilaian kuantitatif mengenai kelebihan dan kelemahan sesebuah syarikat, sebagai asas cadangan langkah-langkah yang lebih terarah bagi meningkatkan prestasi berdasarkan keperluan khusus syarikat. SCORE juga berfungsi sebagai alat untuk mengenal pasti PKS berpotensi tinggi yang boleh menjalinkan kerjasama dan rantaian dengan syarikat besar, syarikat multinasional (MNC), syarikat berkaitan kerajaan (GLC), dan PKS lain. SCORE juga boleh menentukan kriteria untuk mengenal pasti syarikat-syarikat sedia eksport, dengan mengambil kira, antara lain, kepatuhan terhadap piawaian dan pensijilan antarabangsa serta kapasiti pengeluaran. Selain itu, penilaian semula SCORE ke atas PKS juga dapat membantu memantau dan mengukur kesan program pembangunan PKS terhadap pertumbuhan menyeluruh PKS.



**Setakat 31 Disember 2018, sejumlah 29,384 PKS telah menjalani penilaian SCORE, dengan majoriti PKS memperoleh penilaian '2 Bintang dan '3 Bintang. Pada 2018 sahaja, sejumlah 6,485 PKS telah diberi nilai, berbanding dengan 4,114 PKS pada tahun 2017**


Sejak penubuhannya pada bulan Julai 2007, sebanyak tujuh (7) model SCORE telah dibangunkan, iaitu Pembuatan & Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan; Perdagangan Runcit & Pengedaran; Pembinaan; ICT; Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih; Perkhidmatan Profesional (berkaitan pembinaan) dan M-CORE (untuk perusahaan mikro). SME Corp Malaysia terus bekerjasama rapat dengan pelbagai rakan kerjasama, yang terdiri daripada pakar industri, untuk membangunkan model SCORE yang memenuhi keperluan khusus PKS dalam pelbagai kategori industri.

Melalui mekanisme penilaian SCORE, PKS yang mengambil bahagian dinilai

berdasarkan skala '0 Bintang' hingga '5 Bintang' yang mencerminkan kecekapan, kekuatan dan kelemahan mereka. Syarikat yang diberi '0 Bintang' sehingga '2 Bintang' diberi peluang untuk menyertai pelbagai program pembangunan kapasiti dan keupayaan yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Syarikat dengan penarafan '3 Bintang' dan ke atas diberikan peluang untuk menyertai program hubungan perniagaan dan aktiviti promosi eksport. Setakat 31 Disember 2018, sejumlah 29,384 PKS telah menjalani penilaian SCORE, dengan majoriti PKS memperoleh penilaian '2 Bintang dan '3 Bintang. Pada 2018 sahaja, sejumlah 6,485 PKS telah diberi penarafan, berbanding dengan 4,114 PKS pada tahun 2017.







## 2. PENARAFAN DAYA SAING PERUSAHAAN MIKRO UNTUK PENINGKATAN (M-CORE)

M-CORE ialah alat penilaian daya saing yang dipermudah dan diperkenalkan pada bulan Ogos 2010 bagi memenuhi keperluan khusus perusahaan mikro. M-CORE mengukur prestasi dan keupayaan perusahaan mikro dalam empat (4) bidang utama; iaitu perniagaan, kewangan, operasi dan pengurusan.

M-CORE mengkategorikan syarikat berdasarkan tiga (3) skala; iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3. Tahap 1 menunjukkan bahawa syarikat beroperasi pada tahap operasi perniagaan paling asas, Tahap 2 menunjukkan syarikat mempunyai potensi untuk berkembang, dan Tahap 3 mencerminkan kesediaan syarikat untuk beralih daripada perusahaan mikro kepada perusahaan kecil. Program peningkatan kemahiran ditawarkan kepada syarikat-syarikat ini untuk meningkatkan keupayaan perniagaan mereka. Setakat 31 Disember 2019, sejumlah 3,675 perusahaan mikro telah dinilai di bawah M-CORE. Sebahagian besar daripada perusahaan mikro tergolong dalam kategori Tahap 2.

## PEMBANGUNAN KAPASITI

### 1. PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN PKS (BAP) 2.0



Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP) 2.0 ialah program bantuan bersepadu bagi meningkatkan keupayaan PKS, termasuk perusahaan mikro, menerusi khidmat nasihat perniagaan dan bantuan kewangan. Program ini menyokong pelbagai inisiatif pembangunan kapasiti untuk membantu PKS mengembangkan perniagaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

BAP 2.0 menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran bersamaan dan skim pinjaman mudah bagi membantu PKS meraih peluang pertumbuhan perniagaan baharu. Program ini bermula dengan penilaian keupayaan perniagaan PKS sedia ada dengan menggunakan alat diagnostik, SCORE untuk menentukan kekuatan dan kelemahan syarikat. Pelan tindakan kemudiannya dirangka bagi melaksanakan penambahbaikan perniagaan yang dirumus khas mengikut keperluan khusus syarikat.

Sejak Program ini diperkenalkan pada tahun 2011 sehingga 31 Disember 2018, sejumlah 1,793 permohonan daripada PKS telah mendapat kelulusan untuk bantuan kewangan bernilai RM321.3 juta. Daripada jumlah ini, 517 PKS telah menerima manfaat pada tahun 2018, dengan bantuan kewangan diluluskan bernilai RM73.8 juta.

Setakat 31 Disember 2019, sejumlah 3,675 perusahaan mikro telah dinilai di bawah M-CORE. Sebahagian besar daripada perusahaan mikro tergolong dalam kategori Tahap 2





SME Corp. Malaysia bekerjasama dengan SME Bank dan Bank Rakyat untuk menyediakan pinjaman mudah yang ditawarkan di bawah BAP. Pemberian dana di bawah skim pinjaman mudah meliputi pembiayaan modal kerja dan aset tetap bagi membantu pengembangan perniagaan. Pada tahun 2018, pinjaman mudah bernilai RM18.3 juta telah diluluskan bagi membiayai modal kerja dan pembelian aset tetap.

SME Corp. Malaysia komited dalam menyediakan sokongan menyeluruh kepada PKS, termasuk perusahaan mikro, bagi memungkinkan mereka berkembang maju menerusi pelbagai bentuk penambahbaikan perniagaan. Di bawah BAP, PKS beroleh manfaat daripada geran bersamaan yang meliputi kos pembangunan produk, penambahbaikan pembungkusan, inovasi perniagaan, pensijilan produk, pengiklanan, aktiviti promosi, automasi, peningkatan kapasiti pengeluaran dan juga penerapan ICT. Kadar kelulusan tertinggi bagi geran bersamaan adalah untuk peningkatan kapasiti pengeluaran dengan 78% daripada permohonan diluluskan. Ini mencerminkan tahap kesedaran yang semakin tinggi di kalangan PKS tentang keperluan untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah.

## 2. PROGRAM PEMENTORAN PKS

Nilai yang diperolehi daripada kerjasama sektor awam-swasta dalam melaksanakan program pembangunan PKS adalah besar, terutamanya bagi mengatasi cabaran di peringkat akar umbi untuk melaksanakan dasar-dasar dengan berkesan, dan bagi menyampaikan penyelesaian pragmatik kepada komuniti PKS. Bersandarkan hakikat ini, SME Corp. Malaysia telah menjalankan kerjasama strategik dengan Nestlé (Malaysia) Berhad dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) sejak tahun 2009 bagi melaksanakan Program Pementoran PKS. Program ini bertujuan untuk terus membangunkan, meningkatkan keupayaan dan menambah baik prestasi perniagaan PKS tempatan dalam industri makanan dan minuman Halal di Malaysia, bagi memungkinkan mereka bersaing di pasaran global.

Menerusi program ini, Nestlé, pengeluar makanan dan minuman Halal di peringkat global yang terkemuka, berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalamannya mengenai prosedur Halal, amalan terbaik industri makanan dan minuman Halal, serta ciri-ciri yang diperlukan untuk menjadi pembekal yang berdaya saing kepada syarikat-syarikat multinasional (MNC). Dengan kepimpinan dan keupayaan membimbing yang terbukti dalam industri Halal, Nestlé telah memberi inspirasi dan motivasi kepada syarikat yang mengambil bahagian untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan Halal setelah menyertai program ini.

Sejak tahun 2010, sejumlah 570 syarikat dengan 777 peserta telah memperolehi manfaat daripada program ini. Pada tahun 2018, program ini telah mendapat sambutan daripada 80 PKS, dengan sejumlah 110 peserta menghadiri empat (4) sesi yang diadakan di Johor, Sarawak, Penang dan Kuala Lumpur.

Sejak Program ini  
diperkenalkan pada tahun  
2011 sehingga  
31 Disember 2018,  
sejumlah 1,793  
permohonan daripada  
PKS telah mendapat  
kelulusan untuk bantuan  
kewangan bernilai  
RM321.3 juta

Program ini  
bertujuan untuk terus  
membangunkan,  
meningkatkan keupayaan  
dan menambah baik  
prestasi perniagaan PKS  
tempatan dalam industri  
makanan dan minuman  
Halal di Malaysia...

Program Pementoran PKS memberi PKS pengetahuan dan pemahaman mengenai amalan terbaik Halal untuk industri makanan dan minuman



**Program Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP)** ialah inisiatif yang menghimpunkan pakar yang telah bersara dari industri dan agensi Kerajaan tertentu bagi memberi khidmat nasihat perniagaan dan teknikal kepada PKS. Peranan pakar berkenaan adalah bagi membimbing PKS untuk mengkaji semula dan menambah baik operasi dan amalan perniagaan mereka berdasarkan bidang kepakaran masing-masing.

### 3. PROGRAM PANEL PENASIHAT PAKAR PKS (SEAP)

Program Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP) ialah inisiatif yang menghimpunkan pakar yang telah bersara dari industri dan agensi Kerajaan tertentu bagi memberi khidmat nasihat perniagaan dan teknikal kepada PKS. Peranan pakar berkenaan adalah bagi membimbing PKS untuk mengkaji semula dan menambah baik operasi dan amalan perniagaan mereka berdasarkan bidang kepakaran masing-masing.

Sehingga tahun 2018, seramai 79 pakar industri dengan pelbagai latar belakang telah dilantik menganggotai Panel ini. Sejak penubuhannya pada tahun 2005, sejumlah 143 PKS telah melaksanakan langkah-langkah progresif dan pembaharuan positif. Daripada jumlah PKS tersebut, 10 PKS telah mendapat manfaat daripada program tersebut pada tahun 2018.

### AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

#### 1. DANA KECEMASAN PKS (SMEEF)

Salah satu objektif program capaian oleh SME Corp. Malaysia adalah untuk menyokong PKS yang terjejas akibat bencana alam; seperti banjir, kemarau dan tanah runtuh. Dana Kecemasan PKS (SMEEF) ialah bantuan kewangan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama MIDF, bagi meringankan beban PKS yang terjejas teruk akibat bencana alam, bagi memungkinkan mereka membina semula perniagaan.

Dengan peruntukan RM10 juta, SMEEF menyediakan pembiayaan maksimum sehingga RM100,000 bagi setiap syarikat, dalam bentuk hibrid yang terdiri daripada geran dan pinjaman mudah, bergantung kepada keperluan dan kapasiti PKS. Geran diberikan untuk kerja membaik pulih premis perniagaan serta pembaikan jentera dan kelengkapan yang rosak; manakala pinjaman mudah diberikan bagi modal kerja, termasuk bahan mentah, serta pembelian jentera dan kelengkapan, serta lekapan asas untuk premis.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2012, sejumlah 1,043 permohonan SMEEF yang diterima daripada PKS di sembilan (9) negeri yang terjejas - Kelantan, Pulau Pinang, Johor, Pahang, Perak, Terengganu, Kedah, Sabah and Sarawak – telah diluluskan untuk bantuan kewangan bernilai RM7.3 juta. Pada tahun 2018, sejumlah 113 permohonan telah diterima daripada PKS di Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Sabah dengan bantuan kewangan bernilai RM960,000.

## 2. SKIM PEMBIAYAAN PKS PATUH SYARIAH (SSFS)

Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS) telah diperkenalkan bagi menyediakan bantuan kewangan kepada PKS Malaysia. PKS yang layak diberi rebat dua titik peratusan ke atas kadar keuntungan yang dikenakan bagi pembiayaan yang disediakan oleh institusi kewangan yang terlibat, SSFS merupakan kerjasama antara SME Corp. Malaysia dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) bersama 14 ahlinya.

Sejak dilancarkan pada tahun 2012 sehingga Disember 2018, sejumlah 1,447 PKS telah dibantu di bawah skim ini dengan pinjaman bernilai RM2.43 bilion dan rebat yang diagihkan melalui bank-bank yang mengambil bahagian bernilai RM98.4 juta.

## 3. SKIM PINJAMAN MUDAH UNTUK PKS (SLSME)

Skim Pinjaman Mudah untuk PKS (SLSME) dilancarkan pada bulan Disember 2001 bagi menggalakkan pembangunan PKS di Malaysia. Skim ini membantu perniagaan sedia ada dan juga perniagaan yang baru bermula dari segi pembiayaan projek, aset tetap dan modal kerja.

Dana bagi skim ini disalurkan oleh Kerajaan Malaysia menerusi SME Corp. Malaysia kepada Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) selaku agensi pelaksana. Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah 2,935 syarikat telah mendapat kelulusan untuk bantuan kewangan bernilai RM2.60 bilion. Pada tahun 2018, sejumlah RM157.86 juta telah diluluskan untuk 99 syarikat.

Dengan peruntukan  
RM10 juta,  
SMEEF menyediakan  
pembiayaan maksimum  
sehingga RM100,000  
bagi setiap syarikat,  
dalam bentuk hibrid  
yang terdiri daripada  
geran dan pinjaman  
mudah, bergantung  
kepada keperluan dan  
kapasiti PKS


Program Rantaian Perniagaan (BLing) memberi peluang kepada PKS untuk menjadi pembekal kepada syarikat besar, MNC dan GLC



## AKSES PASARAN

### 1. PROGRAM RANTAIAN PERNIAGAAN (BLing)

Program Rantaian Perniagaan (BLing) bertujuan untuk memudahkan cara jalinan perniagaan antara PKS dan syarikat besar, MNC dan GLC. Komponen utama program ini ialah pemadanan perniagaan yang diadakan setiap tahun menerusi pelbagai platform yang menyediakan peluang rantaian perniagaan antara PKS dan MNC termasuk Pameran Tahunan PKS (SMIDEX).



Pada tahun 2018, sejumlah 73 PKS telah dihubungkan dengan syarikat besar, MNC dan GLC menerusi 136 rantaian perniagaan yang mencatatkan potensi jualan bernilai RM24.8 juta. Pencapaian ini adalah hasil daripada lima (5) sesi pemadanan perniagaan yang dianjurkan sempena acara-acara berikut:

- ‘Karnival Jom Niaga’ di Sg. Petani, Kedah (26 Januari 2018);
- ‘Taiwan Business Opportunities’ di Kuala Lumpur (27 April 2018);
- Sesi Pemadanan Perniagaan dengan PKS Singapura di Kuala Lumpur (31 Julai 2018);
- Acara Pembrokeran Malaysia-Korea di Kuala Lumpur (28 Ogos 2018); dan
- Sesi Pemadanan Perniagaan dengan PKS Korea Selatan di Kuala Lumpur (15 November 2018)

## **2. PROGRAM GALAKAN EKSPORT BUMIPUTERA (GEB)**

Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) ialah program yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sebagaisatu kerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan EXIM Bank, program ini bertujuan mewujudkan rantaian perniagaan dalam kalangan PKS Bumiputera, serta membantu mereka menerokai potensi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan merebut pelbagai peluang yang ada.

Objektif program GEB, antara lainnya, ialah untuk meningkatkan potensi pasaran eksport PKS dan menambah bilangan PKS Bumiputera yang menembusi pasaran antarabangsa. Bantuan kewangan bersepadu ini adalah dalam bentuk geran bersamaan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia dan pinjaman mudah daripada MARA.

Sejak program ini dimulakan pada tahun 2016, 46 permohonan bernilai RM44.3 juta telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 30 permohonan diluluskan untuk geran bersamaan bernilai RM4.3 juta dan 16 kelulusan adalah bagi pinjaman mudah bernilai RM40 juta.

Pada tahun 2018, SME Corp. Malaysia, dengan kerjasama beberapa persatuan Bumiputera, MARA, MATRADE, EXIM Bank dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), telah menganjurkan siri Bengkel Latihan dan Promosi GEB untuk membangunkan dan meningkatkan kemahiran pemasaran eksport bagi syarikat PKS Bumiputera yang berpotensi, dengan sasaran untuk mengenal pasti sekurang-kurangnya 100 PKS Bumiputera baharu yang bersedia untuk mengeksport.

Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah 481 peserta daripada 393 PKS Bumiputera telah menghadiri dan memperolehi manfaat daripada siri latihan dan promosi ini.

**Objektif program GEB, antara lainnya, ialah untuk meningkatkan potensi pasaran eksport PKS dan menambah bilangan PKS Bumiputera yang menembusi pasaran antarabangsa. Bantuan kewangan bersepadu ini adalah dalam bentuk geran bersamaan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia dan pinjaman mudah daripada MARA**

## PEMBANGUNAN JENAMA PKS

### 1. PENSIJILAN NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND

Program Pensijilan National Mark of Malaysian Brand (NNMB) merupakan kerjasama antara SME Corp. Malaysia dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. NNMB ialah lambang berprestij bagi syarikat dan jenama Malaysia, kerana penganugerahan sijil dibuat berdasarkan set piawaian kualiti yang ketat bagi mewakili keluaran terbaik Malaysia. Program pensijilan ini membantu PKS mengekalkan kualiti, kecemerlangan dan pembezaan produk serta perkhidmatan mereka supaya jenama PKS dapat diiktiraf sebagai jenama global.

NNMB ialah lambang berprestij bagi syarikat dan jenama Malaysia, kerana penganugerahan sijil dibuat berdasarkan set piawaian kualiti yang ketat bagi mewakili keluaran terbaik Malaysia.

Dilancarkan pada tahun 2009, program ini bertujuan mewujudkan syarikat yang berdaya saing di peringkat global dengan menggalakkan mereka untuk menghargai nilai penjenamaan bagi membezakan kedudukan pasaran. Inisiatif strategik ini juga adalah bagi menyediakan akses pasaran bagi PKS berpotensi tinggi yang berupaya dan komited untuk membangun dan memasarkan produk dan perkhidmatan berkualiti. Selama ini, NNMB telah berjaya meningkatkan kebolehlilahan produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Sejak dimulakan, sejumlah 155 syarikat telah mendapat pensijilan, 10 daripadanya pada tahun 2018. Pada masa ini, *National Mark of Malaysian Brand* memiliki cap dagangan berdaftar di Malaysia, Australia, Belgium, Japan, Korea, Belanda, Thailand dan Amerika Syarikat.

## TEKNOLOGI DAN INOVASI

### 1. PROGRAM PENSIJILAN INOVASI UNTUK PENARAFAN DAN TRANSFORMASI ENTERPRIS (1-InnoCERT)

SME Corp. Malaysia telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk menerajui, memacu dan menyokong pembangunan inovasi PKS menerusi program Pensijilan Inovasi untuk Penarafan dan Transformasi Enterpris (1-InnoCERT). Dilancarkan pada tahun 2010, 1-InnoCERT mengenal pasti dan mengesahkan syarikat berinovasi menerusi piawaian mekanisme penilaian inovasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa (OECD Oslo Manual V3), dan menggunakan proses pensijilan yang disesuaikan daripada amalan terbaik program Pensijilan Innobiz (PKS Inovasi) Korea. Matlamat pensijilan ini adalah bagi menggalakkan PKS untuk menceburi industri berteknologi tinggi dan didorong inovasi, yang seterusnya akan mempersiapkan PKS untuk berdaya saing di peringkat global.

Menyedari hakikat bahawa kebanyakan PKS tidak terlibat dalam aktiviti R&D disebabkan pelaburan modal yang tinggi, SME Corp. Malaysia memberikan insentif kepada peserta Program 1-InnoCERT dalam bentuk Baucar Inovasi berjumlah RM45 juta untuk PKS yang diiktiraf 1-InnoCERT.

Sejak dimulakan pada tahun 2010, sejumlah 222 pensijilan 1-InnoCERT telah dianugerahkan kepada 163 PKS. Sehingga 31 Disember 2018, SME Corp. Malaysia telah menyalurkan Baucar Inovasi bernilai RM21.7 juta kepada 75 PKS.

## 2. PROGRAM e-DAGANG


e-Dagang adalah komponen yang kritikal dalam ekonomi digital. Pada tahun 2017, e-dagang menyumbang 6.3% (RM85.8 bilion) daripada KDNK negara berbanding dengan 6.1% (RM75.0 bilion) pada tahun 2016. Menjelang 2020, e-dagang dijangka menyumbang 6.4% daripada KDNK (RM114 bilion).

Menyedari kepentingan sumbangan e-dagang kepada ekonomi, Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan (NeSR) telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memacu agenda e-dagang di peringkat nasional. NeSR dilancarkan pada 13 Oktober 2016 dengan penglibatan terancang dalam enam (6) bidang utama iaitu:

- Mempercepatkan penerapan e-dagang dalam kalangan penjual (PKS)
- Meningkatkan penerapan dan perolehan oleh perniagaan
- Menghapuskan sekatan bukan tarif (e-penunaian domestik, e-dagang rentas sempadan, e-bayaran dan perlindungan pengguna)
- Menjajar semula insentif ekonomi sedia ada
- Membuat pelaburan strategik dalam syarikat penggiat e-dagang utama yang terpilih
- Mempromosikan jenama kebangsaan bagi melonjakkan e-dagang rentas sempadan

Menyedari kepentingan sumbangan e-dagang kepada ekonomi, Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan (NeSR) telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memacu agenda e-dagang di peringkat nasional





...Kerajaan bermatlamat untuk menggandakan kadar pertumbuhan e-dagang negara daripada 10.8% pada tahun 2016 kepada 20.8% pada tahun 2020, serta mencapai sumbangan KDNK lebih daripada 20% (RM211 bilion) menjelang tahun 2020

Di bawah NeSR, Kerajaan bermatlamat untuk menggandakan kadar pertumbuhan e-dagang negara daripada 10.8% pada tahun 2016 kepada 20.8% pada tahun 2020, serta mencapai sumbangan KDNK lebih daripada 20% (RM211 bilion) menjelang tahun 2020. Pelaksanaan NeSR dipantau oleh Majlis e-Dagang Kebangsaan (NeCC) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. NeCC juga menyediakan hala tuju strategik untuk memacu pembangunan e-dagang di Malaysia di mana Sekretariatnya diterajui bersama oleh MITI dan MDEC.

SME Corp. Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui Bidang Utama menerusi pelaksanaan program dan aktiviti berikut:

- Mempromosi dan memasarkan e-dagang untuk penerapan oleh PKS menerusi pelbagai program yang dikendalikan oleh agensi, rakan e-dagang dan persatuan;
- Mewujudkan portal sehenti e-perniagaan untuk PKS ([www.go-ecommerce.my](http://www.go-ecommerce.my)) bagi memudahkan cara pendaftaran dan latihan; serta
- Melatih PKS menerusi bengkel dan program capaian oleh agensi, rakan e-dagang dan persatuan.

Pada tahun 2018, sebanyak 30,216 PKS telah menerima pakai edagang melalui pelbagai program oleh agensi serta rakan dan persatuan e-dagang. Sejumlah 56,182 PKS telah dilatih melalui bengkel dan program capaian.

### 3. YOUTHS GO DIGITAL

*Youths Go Digital*, sebuah program capaian, bertujuan untuk mendidik serta mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar universiti dan vokasional tentang kepentingan dunia digital dan trend utama dalam perniagaan e-dagang dalam talian.

Pada tahun 2018, program ini menerima sambutan menggalakkan daripada 418 peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah yang melibatkan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan Kolej Vokasional Gombak.



### PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA

Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (APEB) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 September 2013 sebagai inisiatif ke arah pengagihan kekayaan yang saksama dan mengurangkan jurang pendapatan antara kaum utama di Malaysia.

APEB memberi tumpuan terhadap lima (5) strategi utama:

- Mendaya modal insan Bumiputera
- Memantapkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat
- Memperkuuh pemilikan aset bukan kewangan Bumiputera
- Memperhebatkan keusahawanan dan perniagaan Bumiputera
- Memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan

Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, telah ditubuhkan pada September 2013 bagi menggantikan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB). Dengan penubuhan MEB, YAB Perdana Menteri dapat memantau rapi pelaksanaan inisiatif di bawah APEB yang melibatkan pelbagai Kementerian, syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

Para peserta di program *Youths Go Digital*

APEB telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri ...sebagai inisiatif ke arah pengagihan kekayaan yang saksama dan mengurangkan jurang pendapatan antara kaum utama di Malaysia

## 1. PROGRAM PENINGKATAN PERUSAHAAN BUMIPUTERA (BEEP)

Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP) bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepada; yang meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan sokongan kewangan. Program ini dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan pelbagai agensi yang menyediakan bantuan dan sokongan teknikal. Bantuan kewangan yang disediakan adalah dalam bentuk geran bersamaan.

Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah 1,995 permohonan telah diluluskan dengan geran bersamaan bernilai RM189.3 juta. Daripada jumlah ini, RM28.7 juta telah diluluskan untuk 264 PKS Bumiputera pada tahun 2018. Selangor dan Kuala Lumpur telah mencatatkan kelulusan tertinggi dengan 18 PKS Bumiputera (RM5.4 juta), dan diikuti dengan Johor dengan 23 PKS Bumiputera (RM3.7 juta). Sebahagian besar daripada kelulusan ini adalah untuk peningkatan produktiviti & automasi, pembungkusan produk, serta pensijilan & sistem pengurusan kualiti.

## 2. TUNAS USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA (TUBE)

Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah 1,995 permohonan telah diluluskan dengan geran bersamaan bernilai RM189.3 juta. Daripada jumlah ini, RM28.7 juta telah diluluskan untuk 264 PKS Bumiputera pada tahun 2018

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan golongan belia mencebur ke bidang perniagaan. Ia bertujuan untuk:

- Memupuk dan menyemai semangat keusahawanan dalam kalangan belia;
- Membantu belia beralih daripada menjadi ‘pekerja’ kepada ‘pemilik atau pengusaha perniagaan’; dan
- Membina daya tahan dan yakin diri dalam kalangan belia ke arah mengurus perniagaan mereka sendiri.

TUBE menyediakan latihan ketahanan mental dan fizikal, serta pendedahan kepada landskap perniagaan dan cabaran yang berkaitan. Ia dilaksanakan dalam tiga (3) fasa:

Fasa 1: Menguji Ketahanan Mental dan Fizikal (Kem Bina Semangat)

Fasa 2: Meningkatkan Pengetahuan mengenai Operasi Perniagaan Berkesan (Bengkel Perniagaan)

Fasa 3: Bimbingan mengenai Operasi Perniagaan Berkesan ('Sistem Buddy')

Para peserta menerima RM15,000 setiap seorang dalam bentuk geran bagi memulakan perniagaan mereka selepas berjaya menamatkan Fasa 1 dan Fasa 2. Di bawah Fasa 3, peserta dibimbing oleh Kaunselor Perniagaan SME Corp. Malaysia menerusi 'Sistem Buddy' untuk tempoh 12 bulan sejurus memulakan perniagaan bagi membantu memastikan mereka kekal mampan.

Para peserta di Majlis Penutup TUBE 5.0 Peringkat Kebangsaan di Bukit Jalil, Kuala Lumpur



Sejak dilaksanakan pada tahun 2014 sehingga 2018, TUBE telah menarik penyertaan sejumlah 4,422 belia, dengan 4,381 (99%) peserta telah mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan memulakan operasi perniagaan. Pada tahun 2018, perniagaan-perniagaan ini telah mencatat jualan terkumpul bernilai RM99.3 juta dan mewujudkan 7,852 pekerjaan baharu.

### **3. PROGRAM LOCAL TO GLOBAL CORPORATIONS (LGC) ASCEND 800**

*Local to Global Corporations (LGC) Ascend 800* bermatlamat untuk mengukuhkan penyertaan PKS Bumiputra dalam perniagaan. Ia dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Majlis Perundingan Melayu (MPM). Program ini diperkenalkan pada tahun 2014, hasil daripada inisiatif SME Corp. Malaysia dan MPM, sebagai projek perintis di bawah Agenda Pemerkaaan Ekonomi Bumiputra (APEB).

Menerusi program ini, prestasi PKS Bumiputra terpilih yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dinilai berdasarkan keupayaan dan kapasiti mereka; termasuk peningkatan sumbangan dalam rantai ekonomi, pelaburan, kontrak, pasaran dan ekuiti asing untuk menjadikan PKS Bumiputra benar-benar berdaya saing di peringkat serantau dan global.

Sejak dimulakan pada tahun 2014, sejumlah 58 PKS Bumiputra telah dikenal pasti dan kini terlibat secara aktif dalam latihan dan bimbingan perniagaan. Sejumlah sembilan (9) PKS Bumiputra telah berhubung dan cuba mendapatkan pelaburan dan suntikan ekuiti serta peluang perniagaan daripada syarikat-syarikat GLC. Setakat ini, lima (5) MOU telah ditandatangani di bawah program ini bersama Majlis Perundingan Melayu (MPM), KPJ Healthcare Berhad, Tabung Haji (TH), Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PNB) dan PETRONAS.

...TUBE telah menarik penyertaan sejumlah 4,422 belia, dengan 4,381 (99%) peserta telah mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan memulakan operasi perniagaan. Pada tahun 2018, perniagaan-perniagaan ini telah mencatat jualan terkumpul bernilai RM99.3 juta dan mewujudkan 7,852 pekerjaan baharu

#### **4. SEMINAR GOING PUBLIC: UNLOCKING THE POTENTIAL OF SMES**

Untuk mengukuhkan ekosistem keusahawanan di negara ini, Kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) pada tahun 2018. Sebelum ini, Kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Keusahawanan & Pembangunan Koperasi yang telah dimansuhkan pada tahun 2009.

Sesi panel penuh informasi bertajuk 'Memacu Pertumbuhan Melalui Pasaran Modal' dengan Ketua Setiausaha MED sebagai salah seorang ahli panel



...Kementerian  
Pembangunan Usahawan  
dan agensinya termasuk  
  
SME Corp. Malaysia  
telah bekerjasama  
untuk menganjurkan  
seminar capaian  
bagi meningkatkan  
kesedaran mengenai  
pasaran modal dan  
penawarannya

Pada 6 Disember 2018, Kementerian Pembangunan Usahawan dan agensinya termasuk SME Corp. Malaysia telah bekerjasama untuk menganjurkan seminar capaian bagi meningkatkan kesedaran mengenai pasaran modal dan penawarannya. Seminar ini telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan, YB Datuk Seri Redzuan Md Yusof dan telah diadakan di Bursa Malaysia. Ia adalah program pertama yang dijalankan dan merupakan versi baru program *Stairway to Listings* yang telah dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia sejak tahun 2011.

SME Corp. Malaysia menganjurkan sesi panel pertama yang bertajuk 'Memacu Pertumbuhan Melalui Pasaran Modal'. Sesi itu dikendalikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (I) SME Corp. Malaysia, En. Rizal Nainy dengan ahli panel yang terdiri daripada YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Setiausaha MED; Cik Selvany Rasiah, Ketua Pegawai Komersial dari Bursa Malaysia; dan Encik Anuar Omar, Ketua Pasaran Modal dari MIDF Amanah Investment Bank Berhad. Sesi panel membincangkan tentang peranan Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (NEF) terutamanya dalam memacu pasaran modal, kesan penting yang boleh diperolehi syarikat-syarikat yang menyertai pasaran modal dan kepentingan penglibatan penasihat korporat sebelum penyenaraian.

## CAPAIAN


### 1. HAB PKS

Terletak secara strategik di Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia, Hab PKS bertujuan untuk melengkapkan PKS dengan maklumat dan pengetahuan yang tepat dan tertumpu untuk membantu pembangunan PKS. Melalui Hab PKS, PKS boleh mengakses maklumat yang berkaitan secara dalam talian dan luar talian. Di samping itu, untuk memastikan inisiatif ini merangkumi PKS di kawasan luar bandar, 'SME Hub-On Wheels' telah dijalankan untuk membantu menyediakan khidmat nasihat perniagaan kepada PKS yang terletak di kawasan terpencil.

Maklumat yang disediakan menerusi inisiatif ini tidak terbatas kepada program yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia, tetapi juga program di bawah pelbagai agensi dan organisasi Kerajaan yang lain; seperti SSM, MARA, BNM, Telekom Malaysia dan Pos Malaysia.

...untuk memastikan  
inisiatif ini merangkumi  
PKS di kawasan luar  
bandar, 'SME Hub-On  
*Wheels*' telah dijalankan  
untuk membantu  
menyediakan khidmat  
nasihat perniagaan  
kepada PKS yang terletak  
di kawasan terpencil





Hab PKS adalah platform bagi PKS dan usahawan memperolehi pengetahuan, mempelajari amalan terbaik perniagaan, serta mendapatkan maklumat penting mengenai perniagaan permulaan, akses pasaran, pembangunan modal insan, sumber kewangan, pengetahuan industri dan pelbagai aspek perniagaan yang lain. Rangkaian perkhidmatan yang disediakan di Hab PKS merangkumi:



- Khidmat Nasihat Perniagaan;
- Pautan Hab PKS (kerjasama dengan pelbagai agensi dan organisasi Kerajaan yang lain);
- *Pocket Talk*;
- Pusat Maklumat (Emel Info, Talian Info);
- Pusat Sumber;
- Galeri Produk PKS; dan
- Hab PKS Maya (laman web SME Corp. Malaysia, Portal SMEinfo).

Pada tahun 2018, Hab PKS mencatatkan sejumlah 408,074 PKS yang telah mendapat manfaat daripada 458 sesi seminar, bengkel, *Pocket Talk* dan aktiviti capaian lain; termasuk 178 kaunter maklumat di pelbagai pameran perdagangan yang dianjurkan di seluruh negara menerusi Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia dan 12 Pejabat Negeri.

Inisiatif capaian ini telah berjaya menyebarluaskan maklumat, ilmu pengetahuan, tinjauan dan idea mengenai pelbagai topik perniagaan semasa dan relevan kepada PKS dan usahawan, di samping khidmat nasihat yang disediakan oleh Kaunselor Perniagaan dan Jurulatih Perniagaan dari SME Corp. Malaysia, serta Panel Penasihat Pakar PKS (SEAP). Pada tahun 2018, Hab PKS telah mencatat seramai 8,381 pengunjung yang terdiri daripada 3,550 pengunjung di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan 4,831 pengunjung di Pejabat Negeri, yang bertindak sebagai Hab PKS mini.


## 2. INISIATIF CAPAIAN MENERUSI PLATFORM DALAM TALIAN DAN MEDIA SOSIAL

Dalam memenuhi peranannya selaku pemangkin pembangunan PKS, SME Corp. Malaysia terus meneroka idea baharu dan kaedah berinovasi bagi menjangkau kepada kelompok penting PKS Malaysia, dengan maklumat dan sumber yang akan membantu menjalankan kerjasama dan merangsang pertumbuhan perniagaan. Di SME Corp. Malaysia, usaha tertumpu kepada penggunaan pelbagai platform dalam talian dan media sosial - termasuk laman web rasmi, aplikasi mudah alih, Facebook, Twitter dan Instagram - bagi menyebarluaskan maklumat mengenai pelbagai inisiatif pembangunan, perkhidmatan, sokongan dan acara kepada PKS; serta program yang disediakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi. Pada tahun 2018, usaha untuk menyalurkan maklumat penting menerusi pelbagai platform telah menjana hasil yang positif.

...SME Corp. Malaysia terus meneroka idea baharu dan kaedah berinovasi bagi menjangkau kepada kelompok penting PKS Malaysia, dengan maklumat dan sumber...



**PLATFORM DALAM TALIAN DAN MEDIA SOSIAL**  
Status Pencapaian Tahun 2018





### 3. APLIKASI MUDAH ALIH ‘SME HUB APP’

Menerusi aplikasi mudah alih ini, PKS boleh menerima maklumat terkini dan pemberitahuan mengenai aktiviti dan program dengan segera menerusi telefon mudah alih mereka

Aplikasi mudah alih rasmi SME Corp. Malaysia telah dilancarkan pada 30 November 2015 dengan dua (2) matlamat iaitu untuk memodenkan dan meningkatkan kecekapan dalam penyampaian Kerajaan serta menggalakkan penglibatan usahawan generasi baharu dan PKS pintar digital. Ia telah dijenamakan semula sebagai ‘SME Hub App’ pada 25 Oktober 2017 bersempena dengan pelancaran Hab PKS. Platform mudah alih ini membolehkan PKS untuk memperolehi berita dan acara terkini berkaitan inisiatif dan aktiviti pembangunan PKS serta maklumat mengenai pelbagai program pembangunan dan bantuan kewangan yang disediakan oleh Kementerian dan agensi yang berkaitan, selain bank.

Menerusi aplikasi mudah alih ini, PKS boleh menerima maklumat terkini dan pemberitahuan mengenai aktiviti dan program dengan segera menerusi telefon mudah alih mereka. Aplikasi mudah alih ini menawarkan ciri interaktif dan maklumat yang berharga, memudahkan orang awam mengaksesnya secara praktikal dan meningkatkan tahap kecekapan penyampaian Kerajaan. Sejak dilancarkan, aplikasi mudah alih ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan lebih 7,400 muat turun sehingga akhir tahun 2018.

## KERJASAMA ANTARABANGSA

Sebagai agensi penyelaras pusat (CCA) bagi seluruh pembangunan PKS di Malaysia, SME Corp. Malaysia mewakili kepentingan PKS dan para pendokong pertumbuhannya di pelbagai platform antarabangsa, seperti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Selama ini, SME Corp. Malaysia telah berjaya berkongsi program dan piawaian perintisnya, termasuk Pelan Induk PKS (2012 - 2020), di forum-forum antarabangsa serta meneroka potensi kerjasama bagi inisiatif serantau dan global untuk PKS.

### 1. PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN)

PKS membentuk sebahagian besar pertubuhan di semua Negara Anggota ASEAN (AMS) dan menyumbang secara signifikan kepada tenaga buruh. PKS mencakupi antara 88.8% dan 99.9% daripada jumlah pertubuhan di ASEAN, dan antara 51.7% dan 97.2% daripada jumlah pekerjaan. Sumbangan perusahaan-perusahaan ini kepada KDNK setiap AMS adalah antara 30% dan 53%, sementara sumbangan PKS untuk eksport adalah antara 10% dan 29.9%.

Kumpulan Kerja PKS ASEAN (ASEAN SMEWG) telah ditubuhkan pada tahun 1995 bagi menggubal dasar, program dan aktiviti untuk pembangunan PKS. ASEAN SMEWG merupakan forum untuk perundingan dan penyelarasan bagi memastikan pembangunan PKS terus berkembang sejajar, dengan proses integrasi ASEAN dan bagi menyokong penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Pada 21 Januari 2016, ASEAN SMEWG telah dinaik taraf menjadi Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME) untuk tugas yang kini merangkumi perusahaan mikro, serta keperluan untuk memperluaskan keahlian jawatankuasa agar meliputi bidang lain.

SME Corp. Malaysia, di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), adalah turpuan delegasi Malaysia, yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan, bagi mesyuarat ACCMSME. Mesyuarat ACCMSME diadakan dua (2) kali setahun secara bergilir di kalangan Negara Anggota ASEAN (AMS). Pada tahun 2018, ACCMSME ke-5 telah dianjurkan dari 2 - 6 April 2018 di Luang Prabang, Lao PDR dan ACCMSME ke-6 telah diadakan dari 5 - 9 November 2018 di Nay Pyi Taw, Myanmar.

PKS membentuk  
sebahagian besar  
pertubuhan di semua  
Negara Anggota ASEAN  
dan menyumbang  
secara signifikan kepada  
tenaga buruh



Melangkah ke era AEC, program dan inisiatif pembangunan PKS di peringkat serantau akan dipandu oleh Pelan Tindakan Strategik ASEAN untuk Pembangunan PKS 2016-2025 (SAPSMED 2025) yang dibentuk oleh ACCMSME. Di bawah rancangan ini, Malaysia dan Lao PDR adalah peneraju yang bertanggungjawab untuk memimpin, menyelaras, melaksanakan dan memantau inisiatif di peringkat serantau bagi Matlamat Strategik B: Meningkatkan Akses kepada Kewangan (SGB).



Antara inisiatif utama yang dilaksanakan di peringkat ASEAN pada tahun 2018 adalah:

- Forum Jaringan ASEAN-Jepun: *Breaking Boundaries, Building Bridges* (13 Mac 2018) di Kuala Lumpur, Malaysia
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN ke-5 bagi Pertubuhan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME) dan Mesyuarat Berkaitan (2 - 6 April 2018) di Luang Prabang, Lao PDR
- Sesi ke-53 Mesyuarat Kumpulan Kerja OECD bagi PKS dan Keusahawanan (WPSMEE) (23 - 24 April 2018) di Paris, Perancis
- Perbincangan Meja Bulat Perniagaan Kecil AS-ASEAN bagi Wanita dalam Perdagangan (24 Julai 2018) di Kuala Lumpur, Malaysia
- Lawatan dan B2B bersama Persatuan Perusahaan Kecil & Sederhana (ASME) Singapura (31 Julai 2018) di Kuala Lumpur, Malaysia
- Ulang Tahun ke-51 ASEAN (8 Ogos 2018) di Kuala Lumpur, Malaysia
- Simposium Rangkaian ASEAN ke-9 tentang 'Menuju Pelaksanaan Berkesan Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN 2025' (6 September 2018) di Singapura
- Persidangan PKS Asia ke-6 / Persidangan ACSB (10 - 13 September 2018) di Tokyo, Jepun
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN bagi Pertubuhan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME) ke 6 & Mesyuarat Berkaitan (5 - 9 Oktober 2018) di Nay Pyi Taw, Myanmar
- Simposium Kewangan PKS ASEAN (9 Oktober 2018) di Nay Pyi Taw, Myanmar
- Lawatan oleh Bahagian Pemantauan, Pengawasan dan Penyelarasan (MSCD), Direktorat Pemantauan Integrasi ASEAN, Sekretariat ASEAN (10 - 14 Disember 2018) di Kuala Lumpur, Malaysia

Forum Jaringan ASEAN-Jepun telah dihadiri oleh kedua-dua mantan Pengerusi dan mantan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia

### **Forum Jaringan ASEAN-Jepun: 'Menghapuskan Sempadan, Menghubungkan' ('Breaking Boundaries, Building Bridges')**

Forum Jaringan ASEAN-Jepun bertajuk 'Breaking Boundaries, Building Bridges' telah diadakan oleh SME Corp. Malaysia dengan sokongan Pusat ASEAN-Jepun (AJC) pada 13 Mac 2018. Forum ini bertujuan untuk memberikan pemahaman tentang pasaran Jepun dan peluang perniagaan, serta mempromosikan eksport dan membesarkan hubungan antara Jepun dan Malaysia, termasuk pemindahan pengetahuan, kemahiran dan teknologi.

Seramai 120 orang peserta dari sektor ICT, pembuatan, perkhidmatan kejuruteraan dan elektrik & elektronik menghadiri forum tersebut. Penyertaan dari Malaysia terdiri daripada PKS 4 bintang yang bersedia untuk mengeksport, PKS yang disyorkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), serta ahli Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN BAC), Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dan Persatuan Kerjasama Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA).



Para peserta Forum Jaringan ASEAN-Jepun: 'Menghapuskan Sempadan, Menghubungkan' yang telah diadakan di Kuala Lumpur

## 2. KERJASAMA EKONOMI ASIA-PASIFIK (APEC)

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) merupakan salah satu forum ekonomi ulung yang bertujuan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi mampan dan kemakmuran di rantau ini. Kesemua 21 ekonomi anggota APEC bekerjasama rapat untuk membina komuniti Asia-Pasifik yang dinamik dan harmoni dengan memperjuangkan perdagangan dan pelaburan yang bebas dan terbuka, mempromosi dan mempercepatkan integrasi ekonomi serantau, menggalakkan kerjasama ekonomi dan teknikal, serta memudahkan cara persekitaran perniagaan yang memungkinkan dan mampan.

PKS merangkumi lebih daripada 97% daripada keseluruhan perusahaan dan menggunakan lebih separuh daripada tenaga kerja di rantau APEC. PKS juga merupakan penyumbang besar kepada pertumbuhan ekonomi di seluruh negara-negara anggota APEC, dengan bahagian PKS KDNK antara 20% - 50%.

Sebagai agensi penyelaras utama (CCA) untuk pembangunan PKS di Malaysia, SME Corp. Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memastikan Malaysia mendapat faedah-faedah yang terbaik daripada program-program dan aktiviti-aktiviti APEC...

SME Corp. Malaysia, di bawah pantauan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), mengetuai delegasi Malaysia ke Kumpulan Kerja PKS APEC (SMEWG). Kumpulan kerja bertemu dua kali setahun untuk merancang dan mengusahakan inisiatif yang akan memberi manfaat kepada PKS merentasi ekonomi APEC.

Sebagai agensi penyelaras utama (CCA) untuk pembangunan PKS di Malaysia, SME Corp. Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memastikan Malaysia mendapat faedah-faedah yang terbaik daripada program-program dan aktiviti-aktiviti APEC dengan memastikan perwakilan daripada sektor swasta dan awam yang paling sesuai turut serta dalam pelbagai program anjuran APEC. Ini adalah untuk memastikan perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui pelbagai platform yang dianjurkan akan menghasilkan sumbangan yang lebih baik dan berkualiti, yang dapat

membantu dalam pembangunan dasar dan program untuk memudahkan pembangunan PKS.

Pelbagai inisiatif APEC berkaitan pembangunan PKS yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 termasuk:

- Bengkel APEC: Forum *Online-to-Offline* (O2O) (28 Mac 2018) di Negara Brunei Darussalam
- Bengkel APEC: Forum *Online-to-Offline* (O2O) (25 April 2018) di Kuala Lumpur, Malaysia
- Bengkel Latihan Ketahanan Digital APEC (26 April 2018) di Kuala Lumpur, Malaysia
- Bengkel APEC: Bengkel Latihan Daya Tahan Forum Atas Talian (O2O) Forum & Digital Resilience (6 - 7 Jun 2018) di Bangkok, Thailand
- Bengkel Kapasiti APEC mengenai Penggunaan FTA oleh PKS (7 - 8 Jun 2018) di Ho Chi Minh City, Viet Nam
- Bengkel APEC O2O *Summit & Digital Resilience* (2 - 4 Julai 2018) di Kaohsiung, Taiwan
- Bengkel APEC: Etika Perniagaan APEC untuk Forum PKS (18 - 20 Julai 2018) di Tokyo, Jepun
- Dialog Dasar APEC di Platform Pemasaran (*Marketplace*) PKS, Forum O2O dan forum Ketahanan Digital PKS (23 - 24 Oktober 2018) di Cebu, Filipina
- Bengkel APEC: Program Rangkaian Global APEC untuk Usahawan Muda (25 - 27 Oktober 2018) di Seoul, Korea

### **Forum Online-to-Offline APEC: Menyerlahkan Potensi PKS melalui Bengkel Transformasi Digital untuk Masa Depan Bersama dan Ketahanan Digital**

Persidangan ini telah dianjurkan secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), SME Corp. Malaysia dan *SME Enterprise Administration Chinese Taipei* (SMEA) dari 25 - 28 April 2018. Acara ini dihadiri oleh lebih daripada 200 pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta dari Malaysia dan lima (5) ekonomi anggota yang dibiayai oleh APEC termasuk Taipei China, Chile, Russia, Filipina dan Thailand. Persidangan ini telah menghimpunkan pakar terkemuka dan peneraju e-dagang di Malaysia dan ekonomi anggota yang lain untuk berkongsi pengalaman dan cabaran dalam dunia perniagaan digital.

Berpegang pada matlamat untuk menyerlahkan potensi Syarikat Permulaan APEC (APEC Startup) dan PKS melalui penambahbaikan daya saing dan ketahanan digital, persidangan ini berperanan sebagai platform e-dagang rentas sempadan yang memberi khidmat pertalian, mempromosikan sumber-sumber penasihat untuk PKS, mengagihkan impak inisiatif-inisiatif O2O dengan penganjuran beberapa acara di rantau APEC melalui *cross fora*, persatuan dan kolaborasi-PPP; serta pengeluaran sebuah laporan yang berjudul '*Featured Story: SMEs Adopting Digital Transformation and O2O Application in Asia-Pacific*'. Rantaian perniagaan juga telah diadakan pada 27 April 2018, sebagai acara sampingan di Persidangan e-Dagang Rentas Sempadan APEC, dengan penyertaan lapan (8) syarikat dari China Taipei dan 10 syarikat Malaysia daripada empat sektor, termasuk kejuruteraan jitu, alatan perubatan, produk-produk lestari dan kecantikan. Potensi jualan yang dijana daripada sesi rantaian perniagaan ini bernilai RM1.3 juta.

### **Acara Pembrokeran (*Brokerage*) Malaysia–Korea**

SME Corp. Malaysia dan ED Research, sebuah pusat pengkomersilan dan pemindahan teknologi yang diberi kuasa oleh Kementerian Industri Perdagangan dan Tenaga Republik Korea, menganjurkan bersama satu acara jaringan perniagaan pada 28 Ogos 2018. Sebanyak tujuh (7) syarikat Korea dan 10 PKS Malaysia daripada sektor tenaga boleh diperbaharui serta sektor elektrik dan kejuruteraan telah mengambil bahagian dalam sesi jaringan perniagaan tersebut. Salah satu objektif utama acara ini adalah untuk menyokong PKS Korea untuk memasuki pasaran global khususnya pasaran ASEAN. Acara tersebut berjaya menjana potensi jualan berjumlah RM7.69 juta.

Forum 'Online-to-Offline' telah berjaya diadakan dengan kehadiran lebih 200 peserta



Sebanyak tujuh (7) syarikat Korea dan 10 PKS Malaysia daripada sektor tenaga boleh diperbaharui serta sektor elektrik dan kejuruteraan telah mengambil bahagian dalam sesi jaringan perniagaan tersebut

### 3. INISIATIF KERJASAMA EKONOMI DAN TEKNIKAL ANTARABANGSA

Selaras dengan perkembangan Pelan Induk PKS dalam menetapkan tanda aras dalam memacu pembangunan mampu PKS, PKS menerusi pelbagai saluran diplomatik telah menerima pelbagai permintaan untuk bekerjasama dalam bidang pemindahan pengetahuan, pembangunan program dan inisiatif PKS yang disasarkan.

Sejajar dengan komitmen Kerajaan Malaysia untuk menjalin kerjasama teknikal serantau dan sub-serantau... SME Corp. Malaysia dan Kementerian Luar Negeri telah meneruskan program latihan teknikal di bawah naungan Program Kerjasama Teknikal Malaysia dan Program Latihan Negara-negara Ketiga

#### **Program Latihan Negara-negara Ketiga (TCTP): SME Development for African Countries**

Sejajar dengan komitmen Kerajaan Malaysia untuk menjalin kerjasama teknikal serantau dan sub-serantau, terutamanya dalam kalangan negara membangun, SME Corp. Malaysia dan Kementerian Luar Negeri (MOFA) telah meneruskan program latihan teknikal di bawah naungan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dan Program Latihan Negara-negara Ketiga (TCTP). TCTP bertujuan untuk memudahkan cara perkongsian maklumat dan pengalaman dalam merangka dan melaksanakan dasar dan inisiatif pembangunan PKS.

SME Corp. Malaysia telah berjaya menganjurkan *TCTP: SME Development*

for African Countries 2018 dari 18 November sehingga 1 Disember 2018 di Kuala Lumpur; dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri (MOFA), Malaysia dan Japan International Cooperation Agency (JICA), Malaysia. Seramai sembilan (9) peserta dari Cameroon, Ghana, Mauritius, Mozambique, Namibia, Nigeria, Afrika Selatan, Uganda and Zambia, yang mewakili pelbagai kementerian dan agensi berkaitan dengan pembangunan PKS di negara masing-masing, telah menjalani latihan selama dua minggu yang melibatkan kelas, bengkel dan lawatan. Sejak dimulakan, sejumlah 117 peserta yang mewakili pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan dengan pembangunan PKS dari 15 negara Afrika, telah menghadiri program latihan ini.



Pegawai dan peserta di Program Latihan Negara-negara Ketiga (TCTP) yang dianjurkan di Kuala Lumpur

### **Lawatan Sambil Belajar oleh National Board for Small Scale Industries of Ghana (NBSSI)**

Dengan kejayaan TCTP, yang sebelum ini dihadiri oleh pegawai-pegawai dari negara-negara Afrika, Republik Ghana telah menghantar enam (6) pegawai kanan dari *National Board for Small Scale Industries of Ghana (NBSSI)* untuk melakukan lawatan sambil belajar ke SME Corp. Malaysia. Lawatan sambil belajar ini telah dianjurkan dari 2 - 4 Mei 2018, dimana SME Corp. Malaysia telah berkongsi bersama para peserta tentang amalan terbaiknya sebagai agensi penyelaras utama (CCA) untuk pembangunan PKS di Malaysia. Kandungan program untuk lawatan tersebut telah dirancang dan diselaraskan secara khusus untuk menangani pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan dasar dan program PKS di Republik Ghana.

### **4. INISIATIF KERJASAMA ANTARABANGSA LAIN**

#### **Malaysia-Taiwan Economic Cooperation Committee (MTECC)**

Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi Malaysia-Taiwan (MTECC) Mesyuarat Kumpulan Kerja Pembangunan PKS di bawah Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi Malaysia-Taiwan (MTECC) Ke-3 telah diadakan dengan jayanya pada 25 Mac 2018 di Brunei Darussalam. Malaysia dan Taiwan telah bersama-sama memberi penekanan akan kepentingan Mesyuarat Kumpulan Kerja PKS MTECC, serta terus meningkatkan kerjasama PKS melalui rangka kerja mesyuarat APEC dan MTECC.

#### **Program Pemindahan Teknologi di bawah Pusat Teknologi Teknologi Malaysia - Korea (MKTEC)**

Program Pemindahan Teknologi ke-2 di bawah Pusat Pertukaran Teknologi Malaysia-Korea (MKTEC) telah diadakan pada 15 November 2018 di Kuala Lumpur. Objektif program pemanfaatan teknologi ini adalah untuk meningkatkan keupayaan dan kualiti pengeluaran di Malaysia melalui pertukaran teknologi dalam kalangan syarikat-syarikat di Malaysia dan PKS di Korea. Sejumlah tujuh (7) syarikat Korea dan 23 PKS Malaysia dari sektor LED, kosmetik, jentera, peranti perubatan dan teknologi persekitaran. Potensi jualan yang dihasilkan dari acara ini ialah sebanyak RM5 juta.

#### **Lawatan Kerja ke Republik India: Program Jaringan Perniagaan PKS dan Majlis Menandatangani MoU**

SME Corp. Malaysia telah menyertai lawatan rasmi oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ke Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-India ke-25 sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia ke India dari 22 - 26 Januari 2018 di New Delhi, India.



Objektif program jaringan ini adalah untuk menyediakan platform bagi 14 PKS Malaysia dari pelbagai industri, yang mewakili farmaseutikal, penjagaan kesihatan, tekstil, kejuruteraan serta sektor perkhidmatan untuk membina jaringan rangkaian dengan lebih daripada 50 PKS India

Antara acara yang menarik ialah Program Jaringan Perniagaan SME dan Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di New Delhi pada 25 Januari 2018 yang dianjurkan oleh menteri-menteri utama yang bertanggungjawab dalam pembangunan PKS di India dan Malaysia. Antara peserta program jaringan ialah pegawai dari Kementerian MSME India, *National Small Indian Corporation (NSIC)*, serta wakil-wakil dari *India Business Council*, *Federation of Indian Chambers and Commerce Industry (FICCI)*, *Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry (MAICCI)* dan *Consortium of Indian Industries (CII)*.

Objektif program jaringan ini adalah untuk menyediakan platform bagi 14 PKS Malaysia dari pelbagai industri, yang mewakili farmaseutikal, penjagaan kesihatan, tekstil, kejuruteraan serta sektor perkhidmatan untuk membina jaringan rangkaian dengan lebih daripada 50 PKS India. Sebanyak tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangai semasa program ini.

#### **Hubungan Dua Hala Lain**

Sepanjang tahun 2018, SME Corp. Malaysia telah menerima sejumlah 28 kunjungan antarabangsa dari 31 negara iaitu United Kingdom, Singapura, Arab Saudi, Cuba, Jepun, Hungary, Poland, Serbia, Romania, Turki, Georgia, Korea Selatana, Sri Lanka, India, Thailand, Indonesia, Taipei, Fiji, Maldives, Azerbaijan, serta negara-negara Afrika; iaitu Kenya, Sudan, Botswana, Cameroon, Ghana, Nigeria, Mozambique, Afrika Selatan, Mauritius, Uganda dan Tanzania.




Lawatan rasmi oleh Gabenor *Small and Medium Enterprises General Authority, Saudi Arabia* ke SME Corp. Malaysia

Objektif utama program-program ini adalah untuk berkongsi amalan terbaik dan dasar pembangunan PKS, serta meneroka peluang kerjasama yang boleh dibentuk antara Malaysia dan negara-negara pengunjung.

### **Penglibatan Antarabangsa**

Pada tahun 2018, SME Corp. Malaysia telah terbabit dalam sejumlah 61 penglibatan antarabangsa, mewakili Malaysia dalam pelbagai forum antarabangsa dan serantau.



# ACARA UTAMA 2018

## 1. MAJLIS PELANCARAN 'KERTAS PUTIH PENDIGITALAN PKS'

SME Corp. Malaysia dan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 9 November 2017. Salah satu inisiatif kerjasama yang telah disepakati ialah penyediaan kajian untuk penerbitan Kertas Putih Pendigitalan PKS. Ia bertujuan untuk meninjau mengenai kesediaan PKS dalam ekonomi digital termasuk penggunaan eDagang, cabaran dan peluang, serta sokongan dari segi dasar, infrastruktur dan pembangunan dalam digitalisasi.

Tinjauan mendedahkan bahawa penggunaan ICT di kalangan PKS kebanyakannya bertumpu pada penggunaan peranti peribadi berbanding dengan sistem proses perniagaan back-end seperti *Enterprise Resource Planning* (ERP) dan *Customer Relationship Management* (CRM).

Penyediaan Kertas Putih yang bertajuk 'Pemesatan PKS Digital Malaysia: Mengelakkan daripada Perangkap Komputerisasi' adalah hasil kerjasama antara SME Corp. Malaysia, Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd., Universiti Consortia (UC) dan pasukan perunding dari International Data Cooperation (IDC). Laporan ini adalah hasil daripada 'Tinjauan Digitalisasi untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2018' yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia sementara kerja persediaan untuk Kertas Putih telah dijalankan oleh UC dan IDC.

Tinjauan mendedahkan bahawa penggunaan ICT di kalangan PKS kebanyakannya bertumpu pada penggunaan peranti peribadi berbanding dengan sistem proses perniagaan *back-end* seperti *Enterprise Resource Planning* (ERP) dan *Customer Relationship Management* (CRM). Penggunaan media sosial dan eDagang yang



Kertas Putih Pendigitalan PKS bertajuk 'Pemesatan Digital PKS Malaysia: Mengelakkan daripada Perangkap Komputerisasi'

Para tetamu dan peserta di Majlis Pelancaran 'Kertas Putih Pendigitalan PKS' yang diadakan di Kuala Lumpur



terhad juga menunjukkan bahawa PKS telah mencapai tahap pengkomputeran yang tinggi tetapi sebahagiannya mengalami kesukaran untuk menyeberangi jurang digitalisasi yang dapat meningkatkan keuntungan perniagaan dan produktiviti.

43.8% daripada jumlah responden menggunakan eDagang yang mana kira-kira 89.6% daripada mereka menggunakan transaksi perbankan dalam talian seperti Maybank2u dan CIMB Click, manakala kira-kira 70.2% menggunakan wang tunai untuk pembayaran. Hanya sekitar 22.8% sahaja yang menggunakan gerbang pembayaran bersepadu seperti PayPal dan AliPay. Antara pemerhatian lain yang didapati daripada tinjauan ini adalah kira-kira satu pertiga daripada jumlah responden masih tidak merancang untuk menggunakan e-Dagang, terutamanya PKS dalam sektor pembuatan dan pembinaan.

Majlis Pelancaran 'Kertas Putih Pendigitalan PKS' telah diadakan di St Regis Hotel, KL Sentral pada 17 Disember 2018 dan dirasmikan oleh YB Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan.

...kira-kira 89.6% daripada mereka menggunakan transaksi perbankan dalam talian...Hanya sekitar 22.8% sahaja yang menggunakan gerbang pembayaran bersepadu seperti PayPal dan AliPay. Antara pemerhatian lain yang didapati daripada tinjauan ini adalah kira-kira satu pertiga daripada jumlah responden masih tidak merancang untuk menggunakan e-Dagang...

## 2. JADUAL INPUT-OUTPUT PKS

SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan sebuah kumpulan penyelidik dari Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia, serta mendapat sokongan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk menjalankan kajian mengenai Jadual Input-Output PKS. Susulan daripada kerjasama tersebut, SME Corp. Malaysia telah berjaya menerbitkan dua (2) buah penerbitan iaitu jadual utama Input-Output PKS serta analisis dan kesannya.

Kajian ini mendapati bahawa hampir separuh jumlah output yang dihasilkan oleh PKS mengalir kembali ke dalam ekonomi sebagai input perantaraan dan ini menunjukkan bahawa PKS lebih terintegrasi dalam negara berbanding firma besar

Kerjasama program perkongsian penyelidikan pintar antara agensi Kerajaan dan institusi pendidikan ini telah dimeterai secara rasmi menerusi penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) pada bulan Ogos 2017. Dengan matlamat utama untuk menghasilkan dan menganalisis Jadual Input-Output untuk PKS di Malaysia, Kajian ini juga berfungsi sebagai platform untuk pembinaan kapasiti di kalangan pegawai SME Corp. Malaysia yang perlu menjalani pelbagai latihan dan bengkel dalaman berkenaan Jadual Input-Output. Hasilnya, kajian ini berjaya disiapkan pada tahun 2018 serta dilancarkan pada 29 Januari 2019.

Kajian ini mendapati bahawa hampir separuh jumlah output yang dihasilkan oleh PKS mengalir kembali ke dalam ekonomi sebagai input perantaraan dan ini menunjukkan bahawa PKS lebih terintegrasi dalam negara berbanding firma besar. Melihat ke arah sektor ekonomi yang berpotensi untuk memacu ekonomi, industri PKS berkaitan domestik yang mempunyai penciptaan nilai tambah tertinggi dan hubungan yang paling kuat dengan pembekal input domestik mereka adalah perladangan getah, ternakan, pembuatan bijirin, pembuatan minyak & lemak, pendidikan swasta, kesihatan

swasta, restoran, pengangkutan air, perkhidmatan swasta lain, serta hiburan dan perkhidmatan rekreasi. Industri-industri ini mempunyai kesan limpahan yang tinggi dan berupaya memberi kesan positif terhadap industri berkaitan yang lain merentasi rantai bekalan. Kesimpulannya, penemuan ini menunjukkan bahawa pelaburan, eksport dan permintaan yang lebih tinggi bagi industri-industri ini akan memberi manfaat kepada ekonomi tempatan secara keseluruhan.

Pelancaran penerbitan Jadual Input-Output PKS telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Dr Mohd Hatta Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan di Dewan Mahkota, SME Corp. Malaysia.

Penerbitan itu dihasilkan dengan menggunakan Jadual Input-Output Malaysia 2010 dari DOSM sebagai rangka kerja utama, di mana lanjutan jadual Input-Output dikembangkan dan dipecahkan berdasarkan saiz syarikat seperti perusahaan mikro, firma kecil, sederhana dan besar; dengan itu menjadikan SME Corp. Malaysia sebagai perintis dalam projek sedemikian. Saiz firma adalah berdasarkan definisi PKS semasa yang berkuat kuasa sejak Januari 2014.



Penerbitan Jadual Input-Output PKS ini menjadi titik rujukan yang baik bagi membuat dasar, ahli akademik dan para penyelidik. Oleh kerana data dibentangkan pada tahap agregat mengikut saiz dan sektor, para penyelidik, penganalisis dan membuat dasar berpotensi untuk menemukan kemungkinan baru untuk mempromosikan pertumbuhan PKS.

### 3. INDEKS DASAR PKS ASEAN (ASPI) 2018

ASPI 2018 adalah usaha kerjasama antara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA) dan Jawatankuasa Penyelarasian ASEAN mengenai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME). Inisiatif ini telah dilaksanakan bersama 10 Negara Anggota ASEAN (AMS) dan pelbagai pihak yang terlibat dalam pembangunan PKS. Dokumen ini dilancarkan secara rasmi di Singapura pada 1 September 2018, di hadapan wakil-wakil dari Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), Kanada, OECD, ERIA dan ACCMSME.

YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan telah merasmikan Seminar Penyelarasian Indeks Dasar PKS ASEAN Kebangsaan di SME Corp. Malaysia. Indeks Dasar PKS ASEAN (ASPI) 2018 telah diwujudkan bagi meningkatkan daya saing dan pertumbuhan inklusif untuk menanda aras landskap dasar pembangunan PKS di seluruh ASEAN, serta mengenal pasti potensi dan menyediakan cadangan yang sesuai.

ASPI 2018 telah  
diwujudkan bagi  
meningkatkan daya  
saing dan pertumbuhan  
inklusif untuk menanda  
aras landskap dasar  
pembangunan PKS di  
seluruh ASEAN, serta  
mengenal pasti potensi  
dan menyediakan  
cadangan yang sesuai





# LAPORAN KEWANGAN

## SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar, Laporan Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus serta Penyata Prestasi Bajet Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 24.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 (Akta 539).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang dituluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 (Akta 539). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia, Anggota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

